

DARIPADA Anas bin Malik Radiallahuanhu berkata, doa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang paling sering diucapkan ialah : "Ya Allah, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami daripada seksa api neraka". (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

AL-QURAN UNTUK DIPELAJARI, DIFAHAMI, DIAMALKAN SEBAGAI PANDUAN HIDUP

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BERAKAS, Rabu, 29 April. - Musabaqah Membaca Al-Quran ini hendaklah difahami sebagai salah satu usaha berterusan kerajaan dalam mengukuhkan pembelajaran Al-Quran secara menyeluruh, di samping pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif berkaitan Al-Quran yang telah diungkapkan oleh pelbagai agensi, sama ada melalui program kemahiran Al-Quran, *tadabbur* dan penghayatan ayat-ayat Al-Quran, kelas-kelas Al-Quran di masjid-masjid, mahupun program-program pembangunan belia dan masyarakat serta pusat-pusat pembelajaran Al-Quran swasta yang semakin berkembang di negara ini.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.



Berita Utama



DOA Selamat mohon perlindungan, keselamatan bakal jemaah haji

Muka 9



TANGANI cabaran keselamatan awam, memperkukuh kerjasama strategik

Muka 11

455 orang terima pingat kehormatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat

mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara kepada 455 penerima pada Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, hari ini.

>> Muka 7



PENYERAHAN Projek Titian Amal sempena HUT ABDB Ke-64

Muka 13

Doa Selamat bagi bakal jemaah haji KHEU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 April. - Majlis Doa Selamat bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang akan menunaikan fardu haji bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan hari ini bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU, Jalan Dewan Majlis.

>> Muka 10

Mendukung sistem perdagangan pelbagai hala yang bebas, adil

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menghadiri Mesyuarat Khas Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN (AECC), yang diadakan melalui sidang video.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Perdagangan dan Industri, Republik Filipina, Her Excellency Ma. Cristina A. Roque dan dihadiri oleh 11 Negara Anggota ASEAN.

Pada Mesyuarat Khas AECC, para menteri membincangkan kesan krisis Timur Tengah terhadap ekonomi ASEAN dan keperluan mendesak untuk tindak balas serantau yang diselaraskan.

Para Menteri juga antara lain bertukar-tukar pandangan mengenai penyelesaian praktikal untuk menangani kesan yang semakin meningkat ke atas rantaian bekalan, tenaga dan bekalan makanan, khususnya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

>> Muka 10



RENCANA PENGIKTIRAFAN menjadi pemangkin semangat untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik

Muka 27



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda bersempena Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 / 2026 (malam pertama) di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Isnin, 27 April 2026.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een,
Waba'du.**

Memartabatkan Al-Quran sebagai panduan hidup, musabaqah sebagai wadah pembentukan ummah

ALHAMDULILLAH, setinggi puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah rahmat-Nya jua, kita dapat hadir dan berhimpun malam ini bagi mendengarkan dan menghayati bersama lantunan kalam Allah dalam Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah.

Majlis Musabaqah ini merupakan wadah penting dalam usaha berterusan negara untuk memartabatkan Al-Quran sebagai syiar serta pegangan dan panduan hidup yang syumul. Musabaqah yang kini memasuki tahun ke-67 membuktikan pemerkasannya yang terus subur dengan peredaran masa.

Tema tahun ini, 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya', menyeru kepada seluruh lapisan masyarakat untuk bersama-sama menjunjung dan menanai tanggungjawab serta amanah yang sangat besar ini.

Ayat-ayat suci Al-Quran bukan untuk dilafazkan semata-mata. Kalamullah diturunkan untuk dibaca dengan hati yang hadir, difahami dengan akal yang terbuka, dan dihidupkan dalam setiap tindakan-tindakan kehidupan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Shad, ayat 29, tafsirnya :

"(Al-Quran ini ialah) sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (Wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat, supaya mereka memikirkkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran".

Justeru, Majlis Musabaqah ini bukan semata-mata tentang pertandingan. Ia adalah usaha bersama untuk menyemai dan memperkukuh kecintaan hakiki terhadap Al-Quran, membentuk sahsiah dan kerohanian generasi muda menjadi pewaris yang berpegang teguh kepada tauhid.

Di sebelah membaca dengan tartil, Allah Subhanahu Wata'ala juga memperingatkan kita dalam Surah Muhammad, ayat 24, iaitu tentang hikmah serta tuntutan yang lebih besar dalam menyantuni Kitabullah seperti mana tafsirnya:

"Maka tidakkah mereka memperhatikan Al-Quran ataukah hati mereka terkunci?"

Paduka ayahanda memperingatkan sempena Majlis Musabaqah tahun lalu bahawa "Al-Quran bukan sekadar bacaan, tetapi sebuah manual kehidupan yang mendidik akal-budi untuk mengenal hikmah dan kebenaran".

Titah paduka ayahanda itu menegaskan bahawa penghayatan Al-Quran bukan sahaja membentuk insan yang bertakwa, bahkan turut melahirkan akal yang tajam dan jiwa yang berilmu.

Pada hemat saya, 'Celik Al-Quran' bermaksud lebih daripada sekadar keupayaan membaca. Ia menuntut generasi yang memahami apa yang dibacanya, lidah serta hatinya sentiasa tergerak oleh kehalusan kalam Allah, dan yang menjadikan Al-Quran sebagai pegangan terunggul dalam mendepani sebarang bentuk cabaran kehidupan. Perkara ini seiring dengan aspirasi negara, iaitu untuk secara berterusan memelihara kesejahteraan rakyat dan tanah air tercinta melalui gagasan pembangunan yang

menyeluruh merangkumi aspek spiritual, intelektual, ekonomi, dan sosial.

Dalam hubungan ini, saya menyambut baik dan menghargai komitmen berterusan semua pihak khususnya ke arah mempergiat serta mengembangkan pelbagai program 'Celik Al-Quran' termasuk kelas-kelas tadabbur untuk seluruh peringkat masyarakat. Inisiatif sepadu pelbagai pihak berkepentingan ini telah semakin dipermudahkan melalui berbagai kemudahan digital, termasuk rakaman audio bacaan Al-Quran dan rancangan televisyen berkonsepkan pembelajaran Al-Quran yang boleh diakses melalui saluran media rasmi Kerajaan RTBGo menurut kesesuaian masa setiap pencinta ilmu.

Mereka yang berpegang teguh kepada Al-Quran adalah juga mereka yang lebih kukuh dalam berhadapan dengan pengaruh negatif luar, serta lebih terdidik untuk mengenal dan memperkasa nilai-nilai falsafah negara Melayu Islam Beraja. Di sinilah peranan kita semua untuk terus berusaha mengisi kehidupan dengan mendidik akal-budi yang berupaya mengenal 'hikmah dan kebenaran' yang dimaksudkan.

Akhir kata, dengan lafaz kalimah agung *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447 Hijrah.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASTHI	HARI	ZULKAEDAHI HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	SABTU	14	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
3	AHAD	15	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
4	ISNIN	16	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
5	SELASA	17	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.38
6	RABU	18	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
7	KHAMIS	19	4.36	4.46	6.07	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
8	JUMAAT	20	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.37	6.26	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 34 26 °C	32 26 °C	33 26 °C	
Pekan Bangar 34 26 °C	32 26 °C	32 26 °C	
Pekan Tutong 34 26 °C	31 26 °C	33 27 °C	
Kuala Belait 34 26 °C	32 27 °C	33 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 2 MEI 2026

Meraih ketenangan jiwa dengan Al-Quran dan zikir

KESIBUKAN kerja, tekanan kewangan, masalah keluarga dan pelbagai ujian sering mengganggu ketenteraman hati. Ramai manusia mencari ketenangan melalui pelbagai cara: melancong ke tempat indah, mendengar muzik atau menghabiskan masa di pusat membeli-belah ataupun melakukan aktiviti riadah. Namun, semua itu hanya bersifat sementara. Ketenangan hakiki hanya mampu diperoleh melalui hubungan yang erat dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Untuk mendapatkan suasana aman damai dan ketenangan jiwa, agama kita iaitu agama Islam telah pun menggariskan panduan yang sangat berkesan dalam merawat penyakit jiwa atau tekanan perasaan. Antaranya ialah dengan memperbanyakkan mengingati Allah melalui zikir sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Raad, ayat 28, di mana tafsirnya ialah seperti berikut, "Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat) Allah Subhanahu Wata'ala. Ketahuilah! Dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram".

Membaca Al-Quran juga merupakan salah satu bentuk zikir yang paling utama. Apabila seseorang membaca Al-Quran dengan penghayatan, hatinya akan tersentuh dengan janji-janji Allah, firman-Nya yang penuh rahmat serta kisah-kisah orang soleh yang tabah menghadapi ujian. Ayat-ayat suci ini bertindak seperti ubat bagi hati yang resah. Zikir tidak memerlukan masa atau tempat tertentu. Sambil memandu, bekerja atau sebelum tidur, lidah dapat kita basahi dengan kalimah-kalimah yang dicintai Allah. Zikir yang dilakukan dengan khusyuk akan melahirkan perasaan aman, kerana hati merasa dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Lazimkanlah membaca Al-Quran walaupun hanya beberapa ayat setiap hari, disertai dengan memahami maknanya. Setelah solat, luangkan masa beberapa minit untuk berzikir.

Ketenangan yang dicari-cari selama ini sebenarnya sangat dekat. Ia ada di dalam mushaf Al-Quran dan pada gerak lidah yang basah dengan zikir. Oleh itu, jadikanlah Al-Quran dan zikir sebagai amalan harian. Hati yang tenang akan melahirkan kehidupan yang lebih bahagia, sabar dalam ujian, dan bersyukur dalam nikmat. Sesungguhnya, hanya dengan mengingati Allah, hati benar-benar menjadi tenteram.

Selain itu, kita juga boleh mendapat ketenangan dengan melaksanakan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu dengan mengerjakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa jua larangan-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Lail, ayat 5 hingga 10, yang ditafsirkan seperti berikut, "Adapun orang yang memberikan hartanya pada jalan Allah dan bertakwa dan dia mengakui kebenaran adanya ganjaran yang baik (syurga), maka kami akan memudahkannya untuk mendapat kesenangan. Dan adapun orang yang bakhil dan berasa dirinya cukup. Dan dia mendustakan adanya ganjaran yang baik, maka kami akan memudahkannya untuk mendapat kesesahan". - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

>> Muka 1

Al-Quran untuk dipelajari, difahami, diamalkan sebagai panduan hidup

Kesemua usaha ini adalah bertujuan untuk memperelok bacaan, memperdalam kefahaman serta menzahirkan penghayatan Al-Quran dalam pembentukan akhlak dan tingkah laku.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sedemikian sempena Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, malam tadi.

Terdahulu dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah bersama-sama berhimpun pada malam yang penuh berkat ini bagi menyemarakkan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447H bersamaan 2026M.

"Beta mengambil maklum, tema Majlis Musabaqah pada tahun ini berbunyi 'Menguatkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya'. Sesungguhnya Al-Quran bukan sahaja untuk dibaca, bahkan untuk dipelajari, difahami dan

diamalkan sebagai panduan hidup," titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah, firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 9, tafsirnya: "Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan soleh, bahawa bagi mereka adalah pahala yang besar".

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa ayat ini telah menjelaskan bahawa pembelajaran Al-Quran tidak terhenti kepada membaca sahaja, bahkan meminta kita untuk memahami serta menghayati pengajaran yang terkandung di dalamnya.

Dalam usaha memperkukuh lagi budaya membaca Al-Quran dalam kalangan masyarakat, baginda juga mengambil maklum mengenai satu inisiatif baharu Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu penubuhan Skim Tilawah Al-Quran Kanak-kanak (STAKA) khusus bagi kanak-kanak yang berumur 10 tahun hingga 11 tahun.

Titah baginda, skim ini merupakan satu langkah yang amat baik dalam menyemai kecintaan terhadap Al-Quran sejak usia lebih awal lagi.

"Melalui skim ini, kanak-kanak akan diberi latihan dan bimbingan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

awal mengenai ilmu tilawah Al-Quran dan sekali gus menyemai kecintaan terhadap Al-Quran. Beta percaya, usaha memupuk peringkat kanak-kanak ini adalah sangat penting untuk menjadi asas dalam pembentukan akhlak dan keperibadian yang mulia," titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah

melihat, bahawa dalam era kemajuan teknologi masa kini, penggunaan medium digital dalam pembelajaran, penyebaran dan penghayatan Al-Quran adalah semakin meluas.

Namun, baginda bertitah berpendapat bahawa teknologi sahaja tidaklah cukup untuk menghasilkan penghayatan Al-Quran, melainkan mesti ada juga kesungguhan dalam

mencintai Al-Quran.

Akhirnya, titah baginda, menyeru untuk terus menjadikan Al-Quran sebagai panduan sepanjang hayat kerana Al-Quran menurut hadis Nabi Riwayat Muslim, akan datang pada Hari Kiamat sebagai pemberi syafaat kepada para pembacanya.

"Kepada johan qari dan qariah serta semua yang berjaya ke peringkat akhir kebangsaan pada tahun ini, beta tidak lupa merakamkan ucapan tahniah dan selamat maju jaya," titah baginda.

AWANGKU ADI NAZRI, DAYANGKU SITI UMMI SYAZANA JOHAN QARI, QARIAH MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan atas kiri).

BERAKAS, Rabu, 29 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447

Hijrah / 2026 Masihi. Majlis berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H/2026M; dan Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II,

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H/2026M.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan piala pusingan kepada johan qari, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dan johan qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Turut menjunjung keberangkatan baginda dan kerabat diraja ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; dan Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka

Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H/2026M yang lain.

Majlis dimulakan dengan Persembahan Bacaan Ayat Suci Al-Quran oleh qari jemputan dari Malaysia, Mohamad Husaini bin Mahmud, disusuli dengan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sejurus itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Majlis kemudian diteruskan

dengan Pengumuman Keputusan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H/2026M yang disampaikan oleh Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jemaah Hakim, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Majlis diikuti dengan Persembahan Bacaan Al-Quran oleh johan qari dan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H/2026M.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan mengurniakan hadiah-hadiah dan cenderamata kepada johan qari, johan qariah serta peserta-peserta, dan qari jemputan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H/2026M.

Johan qari dinobatkan kepada Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dengan meraih markah 92.17 peratus.

Manakala naib johan ialah Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dengan markah 91.65 peratus, dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili dengan markah 90.30

peratus.

Sementara itu, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki muncul sebagai johan qariah dengan memperoleh markah sebanyak 91.65 peratus.

Naib johan pula disandang oleh Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat yang meraih 89.50 peratus, manakala tempat ketiga disandang oleh Dayang Nurhaneyah binti Nordin dengan catatan 85.93 peratus.

Johan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND7,000 berserta Piala Pusingan, Hadiah Iringan dan Sijil Penyertaan.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah kepada naib johan musabaqah, Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dan Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat (kiri dan kanan).



SEKITAR majlis tersebut (atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (atas).

>> Muka 4

Selain itu, johan turut menerima Pakej Menunaikan Fardu Haji bagi Peserta Pertama Kali menjadi johan, Akaun Tekad Haji berjumlah BND5,000 sumbangan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya iaitu Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; satu dinar emas daripada Balurih Travel Sdn. Bhd.; dan sebidang kain tenunan Brunei sumbangan daripada Syarikat Little Ummi.

Naib johan pula menerima wang tunai sebanyak BND5,000, Hadiah Iringan dan Sijil Penyertaan, selain Akaun Tekad Haji berjumlah BND2,500 sumbangan Perbadanan TAIB

dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; dan ½ dinar emas daripada Balurih Travel Sdn. Bhd.

Sementara itu, tempat ketiga menerima wang tunai BND3,000, Hadiah Iringan dan Sijil Penyertaan, juga Akaun Tekad Haji berjumlah BND1,500 sumbangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; dan ¼ dinar emas daripada Balurih Travel Sdn. Bhd.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz

bin Juned.

Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama,

JPM Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST).

Tema majlis pada tahun ini ialah 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya'.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra sebelum berangkat balik (atas, kanan dan bawah).



PADUKA-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan semasa doa dibacakan (kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah tengah, Persembahan Bacaan Al-Quran oleh johan qari dan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H/2026M.



BACAAN Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas), manakala gambar kiri, Persembahan Bacaan Ayat Suci Al-Quran oleh qari jemputan dari Malaysia, Mohamad Husaini bin Mahmur.

Memperkukuhkan ajaran Islam bersumberkan Al-Quran



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Rabu, 29 April. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi merupakan usaha berkesinambungan yang telah sekian lama dilaksanakan dalam mensyiarkan Islam sebagai agama rasmi negara, dengan menjulang tinggi status kerasmiannya, memelihara keutuhan akidah serta menyebarkan ajaran-ajarannya.

Usaha berkenaan adalah selaras dengan semangat peruntukan Perlembagaan Negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi menurut

Ahli Sunnah Waljamaah, di samping membenarkan agama lain diamalkan dengan aman dan sempurna oleh pemeluknya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H/2026M, menjelaskan perkara itu dalam sembah alu-aluan semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat

Akhir Kebangsaan Tahun 1447H /2026M, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Sembah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, usaha-usaha mengukuhkan akidah serta menyebarkan ajaran Islam dilaksanakan dengan bijaksana melalui tadbir urus yang berhemah terutama menerusi pendidikan dan dakwah yang memastikan negara kekal aman, manakala rakyat dan penduduk hidup harmoni serta menikmati kesejahteraan di bawah pemerintahan beraja yang adil dan berdaulat.

"Sehubungan dengan itu tema musabaqah tahun ini yang mengungkapkan kata-kata 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya' adalah akan

menambah mantap lagi usaha-usaha pembelajaran dan penghayatan ajaran agama Islam dengan bersumberkan ayat-ayat Al-Quran yang difahami dengan fahaman yang betul supaya ajarannya diamalkan dengan sempurna.

"Iaitu seperti yang diibrahkan oleh enam orang ilmuwan muda dalam dua malam musabaqah, mereka masing-masing daripada Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kementerian Pendidikan," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya juga menambah, ke arah memperkukuhkan lagi usaha tersebut, program-program

pembelajaran dan penghayatan ajaran Al-Quran akan terus dipertingkatkan melalui perancangan serta pelaksanaan yang lebih sistematik, dalam mendukung pembangunan negara yang seimbang bagi melahirkan generasi yang cemerlang, hidup berbahagia di dunia dan seterusnya menikmati hasil amal soleh di akhirat berkat teguh iman serta lurus akidah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Sesuai dengan janji dan peringatan Allah Subhanahu Wata'ala dalam firman-Nya di akhir Surah Al-Kahfi, ayat 110: Terjemahannya: *Katakanlah 'Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa maka sesiapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amalan soleh dan janganlah dia mempersekutukan Tuhannya dengan sesiapa pun dalam beribadat kepada-Nya,'*" sembah Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa sembah alu-aluannya.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa, Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Prak Sokhonn (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri

dan Kerjasama Antarabangsa, Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Prak Sokhonn, petang tadi.

Tuan Yang Terutama Prak Sokhonn berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN - Kesatuan Eropah Ke-25 yang telah diadakan di Bandar Seri Begawan pada 27 hingga 28

April 2026 dan seterusnya akan mengadakan Lawatan Rasmi pada 29 hingga 30 April 2026 bagi membincangkan hubungan kerjasama dua hala di antara NBD dan Kemboja.

Menyertai Tuan Yang Terutama pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Secretary of State and Chief of the Cabinet of His Excellency Prak Sokhonn, Tuan



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Yang Terutama Ouk Sorphorn; Under Secretary of State, Tuan Yang Terutama Hun Sareun; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Kemboja ke NBD, Tuan Yang Terutama Chey Ratha dan Deputy Director General, General Department of Asia-Pacific, Dr. Lay Chanrasmey.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri

Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

455 ORANG TERIMA PINGAT KEHORMATAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara. Berangkat sama, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



>> Muka 1

Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam berkenaan adalah bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Turut berangkat, paduka-paduka adinda Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 115 adalah penerima lelaki, manakala 340 pula adalah penerima perempuan.

Seramai 440 penerima terdiri daripada warga

Perkhidmatan Awam (PA), sementara 15 penerima lagi daripada swasta menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) pada hari kedua.

Para penerima terdiri daripada 150 dari Kementerian Kesihatan, 33 dari Kementerian Pembangunan, 192 dari Kementerian Pendidikan, 41 dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, 24 dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan 15 dari swasta.

Bagi memberkati Istiadat Pengurniaan Pingat berkenaan, Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Juga berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri - menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan - timbalan Menteri, Pengiran - Pengiran Peranakan, Pehin - pehin Manteri, Manteri-manteri Pendalaman, Pesuruhjaya - pesuruhjaya Tinggi, Duta-duta Besar, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua - ketua jabatan, pegawai - pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim serta ketua-ketua kampung.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan pingat kepada para penerima (atas sekali kiri, atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

BERANGKAT MENGURNIAKAN 693 PENERIMA PINGAT KEHORMATAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara. Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara kepada para penerima (atas, bawah kanan dan bawah). Manakala gambar bawah sekali, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, sementara gambar bawah sekali kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin



Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun kali ini menyaksikan seramai 693 penerima pada istiadat yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, hari ini.

Berangkat mengurniakan Pingat - pingat Kehormatan Negara, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Juga berangkat, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 437 penerima lelaki dan 256 perempuan menerima pingat pada hari yang pertama yang dimulakan dengan pengurniaan kepada 30 penerima bagi Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) dari Kementerian Pertahanan dan swasta (sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Manakala 600 warga Perkhidmatan Awam menerima bagi Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) yang terdiri daripada 25 penerima dari Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, 194 dari JPM, 187 dari Kementerian Pertahanan, 77 dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, 14 dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, 35 dari Kementerian Hal

Ehwal Ugama serta 53 dan 15 penerima masing-masing dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Pada kali ini juga pengurniaan kepada Kementerian Pertahanan menerusi 61 penerima bagi Pahlawan Periwara (P.P) iaitu 60 lelaki dan seorang perempuan dan Penglima Lasgar (P.L) dikurniakan kepada dua penerima lelaki juga dari kementerian yang sama.

Bagi memberkati Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Juga berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran - Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri - manteri Pendalaman, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Duta-duta Besar, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim serta ketua-ketua kampung.

Pengurniaan pingat-pingat kehormatan negara ini diharap terus menyuntik semangat para penerima dan juga kepada yang lain untuk terus menabur bakti khidmat cemerlang kepada perkembangan mampan dan berintegriti demi membangun dan kemajuan terutama sekali bersama-sama merealisasikan Wawasan Brunei 2035 nanti.



DOA SELAMAT MOHON PERLINDUNGAN, KESELAMATAN BAKAL JEMAAH HAJI

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal-bakal Jemaah Haji Tahun 1447H / 2026M.

JERUDONG, Jumaat, 1 Mei. - Bagi meraikan bakal-bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi dan juga memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar semua jemaah haji sentiasa berada dalam lindungan dan keselamatan serta dipermudahkan segala urusan sepanjang melaksanakan Manasik Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan

Urusan Haji (JUH) mengadakan Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal-bakal Jemaah Haji Tahun 1447H / 2026M pada petang tadi, bertempat di Dewan Banquet BRIDEX, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Awang Haji Othman dan Datin.

Sejurus ketibaan Menteri Hal Ehwal Ugama berserta Datin, atur cara dimulakan dengan Sesi Ramah Mesra Yang Berhormat dan Datin bersama bakal-bakal jemaah haji bagi Tahun 1447H / 2026M.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam, Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Urusan Haji, JUH, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad.

Seterusnya, diikuti dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menekankan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menyempurnakan urusan-urusan jemaah haji mengikut garis masa yang ditetapkan oleh Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi.

Jelas Yang Berhormat lagi, pada tahun ini, NBD telah dipilih oleh Kerajaan Arab Saudi sebagai salah sebuah negara yang akan menerima manfaat pelaksanaan 'Makkah Route Initiative' yang bertujuan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses kemasukan jemaah haji negara ke Arab Saudi, iaitu melalui

penyempurnaan prosedur imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

"Penekanan turut diberikan kepada persediaan jemaah melalui Kursus Manasik dan penjagaan kesihatan serta nasihat agar sentiasa mematuhi peraturan, menjaga imej negara, bersabar dan memanfaatkan peluang sebagai Tetamu Allah," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menasihatkan bakal-bakal jemaah haji untuk sentiasa mematuhi pelan kontigensi serta semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan haji negara jika berlaku sebarang kecemasan semasa berada di Tanah Suci.

Juga hadir, Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh Abdulkarim Al-Shiha; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri; serta pengarah-pengarah urusan dan wakil-wakil syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji dan umrah bagi musim haji 1447H / 2026M.

Pada tahun ini, seramai 1,000 bakal jemaah haji negara akan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan ucapan.

menunaikan ibadat haji ke Tanah Suci.

Manakala tujuh buah syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji dan umrah yang beroperasi mengendalikan haji bagi Musim Haji tahun ini, iaitu Darussalam Services Sdn. Bhd.; Straits Central Agencies Sdn. Bhd. (SCA); At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel Sdn. Bhd.; Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.; dan Balurh Travel Sdn. Bhd.

Bakal-bakal jemaah haji NBD pada Musim Haji 1447H / 2026M dijadualkan bertolak ke Tanah Suci dalam empat penerbangan, iaitu pada 16, 17, 18 dan 19 Zulkaedah 1447H bersamaan 4, 5, 6 dan 7 Mei 2026M, jam 10.15 pagi.

UBD, Kensana Health Inc. meterai kerjasama dalam pembangunan ubat berasaskan tumbuhan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di UBD berkenaan (atas dan kiri).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUNGKU LINK, Rabu, 29 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kensana Health Inc. hari ini mengumumkan perkongsian strategik mereka untuk meletakkan Brunei Darussalam sebagai peneraju global dalam pembangunan ubat berasaskan tumbuhan, yang dikenali sebagai fitofarmasi.

Kerjasama ini adalah bertujuan untuk membuka potensi hutan hujan Borneo sambil memastikan perlindungan dan pemeliharaan salah satu ekosistem biologi yang paling murni di dunia.

Kerjasama ini diformalisasikan melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di UBD berkenaan, pagi tadi, di sini.

Acara tersebut dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat

Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku tetamu kehormat majlis.

MoU bagi pihak UBD ditandatangani oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, manakala Kensana Health Inc. ditandatangani oleh Pengerusi dan CEO Kensana Health, Ken Clement.

Terdahulu sebelum penandatanganan itu, Dr. Hazri dalam ucapan alu-aluannya, menggariskan bahawa perjanjian tersebut sebagai satu pencapaian penting untuk memanfaatkan biodiversiti unik Brunei demi inovasi sains yang transformatif.

Bahkan, UBD tegas beliau telah menjalankan penyelidikan secara teliti selama berdekad-dekad terhadap khazanah etnobotani, menjadikan universiti ini sebagai

pusat serantau untuk farmakognosi berasaskan biodiversiti.

Beliau menegaskan peranan Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER) dalam memastikan *bioprospecting* kekal dari segi saintifik dan lestari dari segi alam sekitar.

Jelasnya, di bawah perjanjian ini, kedua-dua organisasi, akan bekerjasama dalam satu inisiatif penyelidikan untuk mengenal pasti dan menilai calon fitofarmasi yang menjanjikan.

UBD membawa pengalaman luas dalam mengkaji produk semula jadi daripada flora dan fauna tempatan, berdasarkan asas ini, Kensana Health membawa kepakaran yang diperlukan untuk mengenal pasti sebatian utama dan menghasilkan ubat berasaskan tumbuhan yang berstandard untuk pasaran antarabangsa.

"UBD bersedia untuk merapatkan jurang antara

akademia dan industri dengan kedalaman dan kredibiliti yang tiada tandingan.

"Dengan memanfaatkan aset biologi Brunei, kita meletakkan flora dan fauna tempatan kita di tengah-tengah inovasi antarabangsa.

"Perkongsian ini akan mempercepatkan pertumbuhan industri bio yang kukuh, melengkapkan generasi penyelidik akan datang dengan kemahiran yang diperlukan untuk berkembang maju dalam industri global," ujar Dr. Hazri lagi.

Sementara itu, Ken Clement pula dalam ucapannya turut menekankan bahawa UBD adalah institusi berfikiran ke hadapan dengan kepakaran mendalam dalam penyelidikan perubahan berasaskan botani dan tumbuhan.

"Perbincangan kami menunjukkan bagaimana platform EMOB™ Kensana - yang menggunakan bioreaktor

berasaskan AI untuk menghasilkan ubat berasaskan tumbuhan yang berstandard - dapat diintegrasikan secara lancar ke dalam kerja berterusan UBD," tambahnya.

Beliau juga menyatakan bahawa kerjasama tersebut berpotensi mempercepatkan pembangunan calon terapeutik yang berdaya maju sambil mengurangkan risiko dan menyokong pengkomersialan rawatan yang berasal dari spesies tumbuhan tempatan di hutan hujan Borneo.

Sehubungan itu, Brunei bersedia muncul sebagai peneraju global dalam pembangunan ubat fitofarmasi dengan memanfaatkan kekayaan biodiversiti yang terdapat dalam hutan hujan Borneo.

Dengan menyatukan kepakaran akademik tempatan dengan aplikasi industri global, UBD dan Kensana Health sedang membentuk asas bagi ekonomi bio yang berkembang pesat di Negara Brunei Darussalam.

DOA SELAMAT BAGI BAKAL JEMAAH HAJI KHEU



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan sumbangan kutipan derma kepada para penerima (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, tazkirah disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Mikdar Rusdi.



>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Majlis juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Haji Memenuhi Panggilan Ilahi' disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

(KUPU SB), Dr. Mikdar Rusdi selaku penceramah jemputan.

Majlis diteruskan lagi dengan penyerahan sumbangan kutipan derma kepada 52 pegawai dan kakitangan KHEU.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta ketua-ketua jabatan, para pegawai dan bakal-bakal jemaah haji yang diraikan.

Majlis tersebut mencerminkan keprihatinan dan sokongan berterusan KHEU terhadap kebajikan warganya yang akan

menunaikan ibadah haji di samping menjadi wadah memperkukuhkan ukhawah dan nilai-nilai keagamaan dalam kalangan warga kementerian.

Penerbangan pertama bagi bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam dijangka bertolak pada Isnin, 16 Zulkaedah 1447 bersamaan 4 Mei 2026.

Mendukung sistem perdagangan pelbagai hala yang bebas, adil



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menghadiri Mesyuarat Khas Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN (AECC), yang diadakan melalui sidang video.

pendek tetapi juga untuk meneroka strategi jangka panjang.

Dengan bertemakan 'Navigating Our Future, Together' menerusi kepengerusian Filipina, Mesyuarat Khas AECC diadakan pada masa ketegangan yang semakin memuncak terhadap rantai bekalan global dan serantau, terutamanya di sekitar Selat Hormuz.

Ketegangan sedemikian menyumbang kepada peningkatan ketidakpastian perdagangan, turun naik harga tenaga dan gangguan kepada bekalan makanan penting.

Cadangan yang dibentangkan pada mesyuarat tersebut akan dipertingkatkan lagi untuk kemungkinan perbincangan oleh Pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 yang dijadualkan pada awal Mei 2026.

Turut hadir Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Perindustrian) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, sebagai Pegawai Kanan Ekonomi Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai dari Bahagian Perdagangan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

>> Muka 1

Ini termasuk komitmen untuk mengekalkan dan memudahkan perdagangan terbuka, meningkatkan penyelarasan rentas sektor dan mempercepatkan operasi pelbagai inisiatif berkaitan tenaga seperti ASEAN Power Grid (APG), ASEAN Framework Agreement on Petroleum Security (APSA) dan Trans-ASEAN Gas Pipeline.

Sekretariat ASEAN, Institut Penyelidikan Ekonomi ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN - BAC) membentangkan beberapa cadangan termasuk cadangan untuk mempertimbangkan kajian mengenai simpanan minyak

bersama serantau.

Pada pertemuan tersebut, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, antara lain, menegaskan komitmen Negara Brunei Darussalam terhadap sistem perdagangan pelbagai hala yang bebas, adil dan berasaskan peraturan.

Yang Berhormat menekankan keperluan mendesak untuk tindak balas kolektif dan dalam menghasilkan penyelesaian yang boleh diambil tindakan, termasuk dengan memastikan perdagangan kekal terbuka dan memudahkan perniagaan dan pengguna.

Yang Berhormat seterusnya menekankan keperluan bagi Negara Anggota ASEAN untuk memanfaatkan krisis ini sebagai peluang untuk bukan sahaja menangani cabaran jangka

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

TANGANI CABARAN KESELAMATAN AWAM, MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara semasa mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Persidangan dan Pameran Milipol TechX 2026 (MTX26) yang berlangsung di Marina Bay Sands Expo and Convention Centre, Republik Singapura (atas dan kanan).

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 29 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara telah mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Persidangan dan Pameran Milipol TechX 2026 (MTX26) yang berlangsung di Marina Bay Sands Expo and Convention Centre, Republik Singapura.

Penyertaan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II adalah atas undangan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara merangkap Menteri Ehwat Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama K. Shanmugam.

Turut berangkat dan menyertai delegasi ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia DCP Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.



Juga menyertai, Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad; Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Azizil Hakim bin Brahim serta pegawai-pegawai kanan dari JPM.

Dengan membawakan tema 'Supercharging Innovation Today for Our Safe Tomorrow', MTX26 merupakan persidangan dan pameran teknologi keselamatan awam bertaraf antarabangsa yang dianjurkan bersama oleh HTX (Home Team Science and Technology Agency) dengan kerjasama strategik Milipol.

Acara ini menumpukan kepada kemajuan teknologi berasaskan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) bagi memperkukuh keselamatan awam serta mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan berdaya tahan.

MTX26 menghimpunkan kira-kira 15,000 peserta daripada 75 negara terdiri daripada pegawai kanan kerajaan, pakar industri, pemimpin sektor keselamatan serta ahli akademik dari seluruh dunia.

Persidangan ini menjadi platform penting untuk membincangkan inovasi terkini, berkongsi perkembangan teknologi semasa, menangani cabaran keselamatan awam, serta memperkukuh

kerjasama strategik di peringkat antarabangsa.

Majlis Pembukaan Rasmi MTX26 telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama K. Shanmugam.

Sebelum menghadiri MTX26, delegasi NBD telah mengadakan lawatan kerja ke Singapore Prison Service pada 27 April 2026. Lawatan ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan sistem peranti pemantauan elektronik di negara tersebut, menilai keberkesanannya serta bertukar pandangan dan mendapatkan amalan terbaik berkaitan penggunaan teknologi berkenaan.


Terus komited memperkukuh Hubungan Dialog ASEAN - EU

BERAKAS, Rabu, 29 April. - Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Kesatuan Eropah (EU) menegaskan komitmen untuk terus memperkukuh hubungan strategik antara kedua-dua rantau berkenaan menerusi kerjasama dalam bidang ekonomi, digital, keselamatan, perubahan iklim serta isu geopolitik global semasa Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-EU Ke-25 yang berlangsung selama dua hari pada 27 hingga 28 April 2026, di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini, baru-baru ini.

Mesyuarat berkenaan menghimpunkan Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN dan EU serta Wakil Tertinggi bagi Hal Ehwat Luar Negeri dan Dasar Keselamatan EU merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Eropah yang bersama-sama menilai kemajuan Hubungan Dialog ASEAN - EU yang telah terjalin selama 49 tahun serta hala tuju kerjasama masa hadapan.

Dalam kenyataan bersama, kedua-dua pihak menegaskan semula komitmen untuk terus memperkukuh Hubungan Dialog ASEAN - EU serta melaksanakan inisiatif yang lebih nyata, praktikal dan saling menguntungkan bagi memajukan perkongsian strategik berkenaan.

ASEAN pada masa yang sama menyambut baik hasrat EU untuk mewujudkan Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) ASEAN - EU dengan kedua-dua pihak bersetuju bahawa sebarang perbincangan lanjut perlu bersifat substantif dan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak berpandukan Prinsip Kepusat



ASEAN. ASEAN dan EU turut menyambut baik penyertaan Republik Demokratik Timor-Leste sebagai anggota ke-11 ASEAN serta menegaskan semula komitmen berterusan untuk menyokong integrasi penuh negara berkenaan melalui pelaksanaan pelan hala tuju ke arah keanggotaan penuh dan inisiatif pembinaan kapasiti bersasar.

Dalam bidang keselamatan dan undang-undang antarabangsa pula, kedua-dua pihak menegaskan kepentingan dalam mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau serta menyelesaikan pertikaian secara aman tanpa penggunaan atau ancaman kekerasan, selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Undang-undang Laut 1982 (UNCLOS).

ASEAN dan EU turut mengulangi komitmen terhadap undang-undang antarabangsa dalam domain maritim termasuk kebebasan pelayaran dan penerbangan. Kedua-dua pihak menekankan kepentingan UNCLOS sebagai rangka kerja undang-undang utama dalam semua aktiviti maritim global serta asas kepada kerjasama serantau dan antarabangsa.

Dalam bidang ekonomi, kedua-dua pihak menegaskan usaha untuk terus mencapai kemajuan dalam kerjasama sektoral serta hala tuju jangka panjang ke arah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)

ASEAN-EU di peringkat rantau ke rantau.

Kerjasama dalam ekonomi digital turut menjadi antara fokus utama termasuk usaha memperkukuh integrasi digital ASEAN melalui pelaksanaan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) yang dijangka dimeterai pada tahun ini.

ASEAN dan EU juga menyambut baik pembangunan inisiatif seperti SCOPE-Digital serta projek Global Gateway bagi memperkukuh kesalinghubungan digital dan perdagangan rentas rantau.

Dalam sektor tenaga, EU menyokong pembangunan Grid Kuasa ASEAN (APG) dan bersetuju untuk terus meneroka kerjasama dalam tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga, teknologi rendah karbon dan kewangan mampan. Kedua-dua pihak menekankan kepentingan keselamatan dan kebolehpercayaan tenaga semasa proses peralihan tenaga.

Isu perubahan iklim dan alam sekitar turut diberi perhatian. Kedua-dua pihak menggalakkan sokongan berterusan EU terhadap keutamaan ASEAN dalam tindakan iklim, pemuliharaan biodiversiti, pengurangan pencemaran jerebu rentas sempadan, tenaga rendah karbon yang selamat dan mampan serta kesihatan awam melalui pengukuhan penglibatan dengan pusat-pusat ASEAN yang berkaitan.

Kedua-dua pihak juga komited untuk memperkukuh pelaksanaan Perjanjian Paris serta Nationally Determined Contributions (NDC) masing-masing selaras dengan matlamat bagi mengehendkan peningkatan suhu global kepada

1.5 darjah Celcius berbanding paras pra-industri.

Dalam isu geopolitik, kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai perkembangan di Laut China Selatan, Semenanjung Korea, Republik Kesatuan Myanmar, Ukraine, Palestin, Timur Tengah dan Afghanistan.

ASEAN dan EU menegaskan keperluan untuk menghormati kedaulatan negara, mengekalkan keamanan serta mengutamakan penyelesaian diplomasi.

Bagi Laut China Selatan, kedua-dua pihak menekankan kepentingan pelaksanaan penuh dan berkesan Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan (DOC) serta keperluan untuk mengekalkan dan mempromosi persekitaran yang kondusif bagi rundingan Kod Tatalaku di Laut China Selatan (COC) yang berkesan dan berasaskan undang-undang antarabangsa.

Mengenai Myanmar, ASEAN dan EU menyuarakan kebimbangan terhadap situasi kemanusiaan dan menegaskan semula bahawa Konsensus Lima Perkara ASEAN kekal sebagai rujukan utama dalam menangani krisis politik di negara itu.

Bagi Semenanjung Korea, kedua-dua pihak menggesa negara berkenaan untuk mematuhi sepenuhnya semua resolusi UNSC yang berkaitan dan menyokong usaha antarabangsa untuk mencapai pelucutan senjata nuklear Semenanjung Korea yang lengkap dan boleh disahkan.

Isu Ukraine turut dibincangkan dengan EU menegaskan semula penghormatan terhadap kedaulatan, kebebasan politik dan integriti wilayah.

■ Oleh : Marlinawaty Hussin

Sementara itu, kedua-dua pihak kekal prihatin terhadap keadaan yang semakin merosot di wilayah Palestin yang diduduki dan mengesakan semua serangan terhadap orang awam dan infrastruktur serta menggesa akses kemanusiaan yang pantas, selamat, berterusan dan tanpa halangan.

Di Timur Tengah, ASEAN dan EU menyambut baik usaha gencatan senjata antara Amerika Syarikat dan Republik Islam Iran serta menyokong keselamatan laluan maritim antarabangsa termasuk di Selat Hormuz, selain menegaskan kepentingan kebebasan pelayaran dan kestabilan global.

Mesyuarat turut menekankan kepentingan kerjasama dalam menangani krisis kemanusiaan di Afghanistan serta keperluan kerajaan yang inklusif dan menghormati hak asasi manusia.

Selain itu, ASEAN dan EU bersetuju untuk memperkukuh kerjasama dalam keselamatan siber, antikeganasan, perubahan wang haram serta keselamatan maritim.

Kedua-dua pihak juga menekankan kepentingan

pengurusan bencana, kesiapsiagaan krisis dan kerjasama teknikal melalui pelbagai mekanisme sedia ada. Mesyuarat berkenaan turut menyaksikan sokongan berterusan EU terhadap ASEAN dalam pelbagai inisiatif pembangunan mampan termasuk usaha mengurangkan jurang pembangunan, pemerkasa pendidikan, kesihatan awam, perlindungan sosial dan kesaksamaan gender.

118 BAKAL JEMAAH HAJI KEMENTERIAN PERTAHANAN TERIMA SUMBANGAN

BERAKAS, Khamis, 30 April. - Kementerian Pertahanan petang tadi mengadakan Majlis Jiwa Murni bagi Bakal-bakal Jemaah Haji Kementerian Pertahanan bagi Musim 1447 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan Pahlawan, Berakas Garison.

Majlis berkenaan merupakan penyampaian sumbangan kepada 118 bakal jemaah haji.

Pada tahun ini, kumpulan bakal jemaah haji terdiri daripada 55 warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berserta 42 pasangan, serta 14 kakitangan awam berserta tujuh pasangan.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada bakal jemaah haji lelaki, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Manakala sumbangan kepada bakal jemaah haji wanita pula disampaikan oleh isteri Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, iaitu Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Turut menyampaikan sumbangan ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada bakal jemaah haji lelaki (kiri dan kanan).

Datin; Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin dan Datin; serta Timbalan Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim dan Datin.

Terdahulu majlis dimulakan

dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin bersama oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mejar Narulismandy@Anwar Hadi bin Haji Samah; dan Imam Surau Ad-Difa', Awang Mohamad Khairul Azmi bin Haji Salleh.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan tazkirah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

bertajuk 'Perjalanan Menuju Keampunan : Peluang Sekali Seumur Hidup' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari JAMA'AT, Awang Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari.

Bagi memohon keberkatan bagi perjalanan bakal jemaah haji

ke Tanah Suci, majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, agar segala urusan bakal jemaah haji dipermudahkan serta dikurniakan perlindungan dan memperoleh haji yang mabrur.

Doa Selamat bakal jemaah haji KKBS



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada bakal jemaah haji (atas dan kanan). Manakala gambar bawah kanan, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah.



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

keahormat, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pembantu Perkembangan Ugama, PPB, KKBS.

Seramai lapan orang bakal jemaah haji dari KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya akan menunaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1447H/2026M.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai - pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya serta bakal-bakal jemaah haji.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda kesyukuran dan bagi memohon keselamatan serta keberkatan untuk

bakal-bakal jemaah haji warga KKBS khasnya, serta bakal-bakal jemaah haji di seluruh negara semasa pergi dan balik menunaikan ibadah haji, di samping dapat menjalani ibadah haji pada tahun ini dengan sempurna.






JANGAN MENGIKUTI KENDERAAN DI HADAPAN AWDA TERLALU RAPAT

Jalan raya akan menjadi licin semasa hujan.
Jika awda mendapati kenderaan di hadapan awda
menekan brek secara tiba-tiba, awda mungkin tidak
akan mempunyai masa untuk berhenti





BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 April. - Majlis Doa Selamat bagi Bakal-bakal Jemaah Haji Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Jabatan-jabatan di Bawahnya yang akan menunaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Hadir bagi menyempurnakan majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia (PPB), KKBS, Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada bakal-bakal jemaah haji oleh tetamu

MENDUKUNG PRODUKTIVITI PERTANIAN, KONGSI KERJASAMA TANGANI CABARAN GLOBAL



MENTERI Pendidikan dan Kerjasama Nordic Finland, His Excellency Anders Adlercreutz semasa mengadakan lawatan ke kilang BFI di Taman Perindustrian Sungai Liang, Daerah Belait.

BELAIT, Rabu, 29 April. - Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI) mengalu-alukan kedatangan Menteri Pendidikan dan Kerjasama Nordic Finland, His Excellency Anders Adlercreutz, semasa lawatan ke kilang BFI di Taman Perindustrian Sungai Liang, Daerah Belait baru-baru ini.

His Excellency diiringi oleh Penasihat Khas Menteri, Crista

Grönroos; Duta Besar Indo-Pasifik, Kementerian Luar Negeri Finland, Jari Vilén; dan Konsul Kehormat Finland ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Jin Yong Lim.

Lawatan tersebut menekankan komitmen bersama kedua-dua negara ke arah mengukuhkan keselamatan makanan global di mana perbincangan tertumpu

kepada peranan penting baja dalam menyokong produktiviti pertanian, serta peluang untuk pertukaran pengetahuan.

Semasa lawatan tersebut, delegasi melawat kilang BFI, kemudahan *single-train fertilizer* terbesar di Asia Tenggara, di mana mereka berpeluang menyaksikan operasi BFI, meneroka pelbagai produk, dan

Siaran Akhbar dan Foto :

Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad

mengetahui tentang sumbangan syarikat ke arah memastikan bekalan baja yang boleh dipercayai untuk pasaran serantau dan global.

Tarikan utama lawatan tersebut ialah penekanan kuat BFI untuk membangunkan tenaga kerja tempatan yang berkebolehan dan bersedia pada masa hadapan.

Sebagai projek lapangan hijau, BFI berjaya membina tenaga kerja berkemahirannya bermula dari bawah, seperti melatih kira-kira 160 belia warga tempatan pada 2019, untuk mengendalikan dan mengurus kemudahan perindustrian yang sangat kompleks.

Hari ini, kira-kira 80 peratus tenaga kerja BFI terdiri daripada rakyat Brunei, mengukuhkan komitmen syarikat terhadap pembinaan kapasiti negara.

BFI juga berbangga dalam memupuk tempat kerja yang inklusif, dengan hampir keseimbangan jantina 50:50 merentas tenaga kerjanya dan wanita mewakili kira-kira 30 peratus daripada peranan pengurusan.

Pangkalan bakat yang pelbagai dan dinamik ini memainkan peranan penting dalam memacu kecemerlangan operasi dalam organisasi.

Operasi BFI adalah teras kepada strategi kepelbagaian ekonomi NBD yang lebih luas di bawah Wawasan Brunei 2035 dan meletakkan negara sebagai rakan kongsi yang berdaya tahan kepada ekonomi global.

Dengan menghasilkan baja berkualiti tinggi dan memastikan bekalan yang konsisten, BFI menyokong produktiviti pertanian di seluruh Asia Tenggara dan seterusnya, membantu menangani peningkatan permintaan global untuk makanan.

Lawatan itu mencerminkan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam menangani cabaran global yang dikongsi bersama.

Melalui perkongsian dan dialog yang berterusan, BFI kekal komited untuk memajukan penyelesaian yang mampan, mengukuhkan bakat tempatan, dan menyumbang kepada sistem makanan global yang lebih selamat.

Penyerahan Projek Titian Amal sempena HUT ABDB Ke-64



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Projek Titian Amal sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

TUTONG, Jumaat, 1 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengadakan Majlis Penyerahan Projek Titian Amal

sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB (HUT ABDB) Ke-64, sebagai sebahagian daripada inisiatif jangkauan masyarakat.

Majlis tersebut berlangsung di rumah kediaman baharu Dayang Saliha binti Haji Kamis di Kampung Penanjong, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan. Turut hadir, Penolong Pengarah Urusan Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial Yayasan Sultan Haji Hassanalkiah (YSHHB), Awang Iswandy bin Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mejar Narulismandy@Anwar Hadi bin Haji Samaih, diikuti dengan penyampaian tazkirah



PEMERINTAH ABDB menyampaian cenderamata kenangan kepada Dayang Saliha binti Haji Kamis sebagai simbolik penyerahan rasmi projek pembinaan rumah kediaman beliau yang telah siap dilaksanakan.

Tingkatkan akses baja urea untuk komuniti tempatan

Siaran Akhbar : Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 April. - Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) telah mengumumkan pelantikan Wasan Milling Company Sdn. Bhd. (WMC) bagi penjualan domestik baja urea berbutir keluaran BFI di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam satu bungkusan seberat 50 kilogram (kg).

BFI mengendalikan salah satu loji baja *single train* terbesar di Asia Tenggara, dengan kapasiti pengeluaran tahunan kira-kira 1.36 juta tan metrik urea berbutir.

Walaupun sebahagian besar pengeluaran dieksport ke pasaran antarabangsa, ketersediaan urea BFI dalam negara ini memberi peluang untuk menyokong pembangunan sektor pertanian domestik.

Pelantikan ini mencerminkan komitmen bersama kedua-dua syarikat terhadap pembangunan negara, khususnya dalam menyokong ekosistem pertanian tempatan dan aspirasi keselamatan makanan.

Dengan memanfaatkan kehadiran kukuh WMC dalam industri pertanian, kerjasama ini bertujuan meningkatkan akses kepada baja urea yang dihasilkan dalam negara untuk komuniti tempatan, di samping menyokong inisiatif negara ke arah penggantian import.

Menuju ke arah masa hadapan, WMC sedang meneroka peluang untuk memperluas saluran pengedaran domestik, termasuk potensi bekalan urea melalui *outlet* runcit terpilih bagi meningkatkan lagi akses kepada petani dan pengguna tempatan di seluruh negara.

Selain itu, WMC juga meneliti pilihan pembungkusan alternatif, termasuk saiz pek yang lebih kecil, bagi memenuhi keperluan pelanggan yang berbeza. Garis masa pelaksanaan dijangka akan ditetapkan dalam masa terdekat.

disampaikan oleh Timbalan Pegawai Turus Inspektorat Agama JAMA'AT, Kapten Mohammad Ayza Azrine bin Ayahani.

Seterusnya, taklimat projek telah disampaikan oleh Pengerusi Projek Titian Amal, Kapten Sheril Shahizwan bin Tikom, bagi rumah kediaman Dayang Saliha.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan cenderamata kenangan kepada Dayang Saliha sebagai simbolik penyerahan rasmi projek pembinaan rumah kediaman beliau yang telah siap dilaksanakan.

Kerja-kerja pembinaan telah dilaksanakan selama tiga bulan, bermula dari 3 Februari 2026 hingga 1 Mei 2026, melalui kerjasama erat anggota Rejimen Jurutera, Tentera Darat Diraja

Brunei.

Projek ini dibiayai melalui peruntukan Tabung Sumbangan Bantuan Membaik Pulih dan Menaik Taraf Rumah di bawah Skim Perumahan YSHHB berjumlah BND43,445.16.

Majlis ini merupakan penyerahan keempat dan terakhir bagi Projek Titian Amal yang dilaksanakan di seluruh negara sempena Sambutan HUT ABDB Ke-64.

Projek Titian Amal merupakan inisiatif tahunan ABDB yang bertujuan memperkukuh hubungan antara ABDB dan masyarakat, di samping memupuk semangat kesukarelawanan serta mempertingkatkan kerjasama dengan komuniti setempat dan agensi-agens kerajaan.



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



MENDIDIK JIWA MELALUI IBADAT KORBAN

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 13 Zulkaedah 1447H / 01 Mei 2026M



IBADAT KORBAN

Dilaksanakan pada Hari Raya Aidiladha serta pada Hari-hari Tasyrik, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Hukum melaksanakan Ibadat Korban Sunat Muakkadah

ANTARA SIKAP TERPUJI YANG DAPAT DIBENTUK MELALUI IBADAT KORBAN

PERTAMA



Menanam sifat ikhlas dalam melaksanakan setiap ibadat yang diperintahkan oleh syariat Islam.

KEDUA



Menyemai sikap syukur atas segala nikmat yang dikurniakan.

KETIGA



Melatih diri agar sentiasa bersabar dalam menghadapi ujian dan cabaran hidup.

KEEMPAT



Memupuk rasa belas kasihan dan semangat tolong-menolong terhadap golongan yang kurang berkemampuan.

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam



Mendidik jiwa melalui ibadah korban

pada 11, 12 dan 13 Zulhijah. Umat Islam diseru untuk menunaikan ibadah ini sebagai tanda ketakwaan dan usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Kawthar, ayat 2 :

Tafsirnya : "Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri nikmat-nikmat-Nya)".

Ibadah korban merupakan lambang syiar Islam yang agung, yang wajar kita junjung dan muliakan. Allah Subhanahu Wata'ala menjelaskan dalam Al-Quran bahawa mengagungkan syiar-syiarnya adalah cerminan ketakwaan hati serta tanda keimanan yang tulus. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Haj, ayat 32 :

Tafsirnya : "Demikianlah (ajaran Allah) dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar Allah (seperti ibadah korban) maka sesungguhnya perbuatan itu adalah terbit daripada ketakwaan hati (kepada Allah)".

Sebagaimana yang kita ketahui, bahawa hukum melaksanakan ibadah korban adalah sunat *muakaddah* iaitu sunat yang sangat dituntut dalam Islam. Justeru, bagi mereka yang berkemampuan, peluang yang amat berharga ini, yang hanya datang beberapa hari dalam setahun pada bulan Zulhijah, tidak seharusnya dipandang ringan atau dilepaskan begitu sahaja.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menggambarkan keagungan ibadah korban, di mana setiap titisan darah yang mengalir ke bumi akan diangkat ke tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Ia adalah satu penghormatan besar bagi pengorbanan yang ikhlas. Daripada Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah melainkan menumpahkan darah (menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada Hari Kiamat bersama tanduknya, bulunya dan kukunya dan Allah memberi pahala ibadah korban itu sebelum darah binatang korban itu jatuh ke bumi. Oleh itu, elokkanlah korban kamu". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Sesungguhnya fadilat berkorban seperti yang telah dinyatakan, jelas menunjukkan betapa beruntungnya mereka yang melaksanakan ibadah ini. Harta yang dibelanjakan untuk melaksanakan ibadah korban akan diberi ganjaran besar, berupa kebaikan di dunia dan juga di akhirat.

Hikmah di sebalik pelaksanaan ibadah korban ini bukan sahaja dinikmati oleh mereka yang berkorban, bahkan turut dirasakan oleh golongan yang menerima agihan daging korban, khususnya fakir dan miskin. Inilah saatnya bagi orang yang berkorban berpeluang menggembirakan mereka dengan berkongsi nikmat dan rezeki semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Jelaslah kepada kita bahawa ibadah korban yang dilaksanakan bukan sahaja merupakan satu bentuk ibadah yang membawa ganjaran pahala, malah ia juga berperanan sebagai medan tarbiah dalam membentuk sifat-sifat terpuji serta menyemai nilai-nilai Islam yang luhur dalam diri seseorang. Antara sikap terpuji yang dapat dibentuk melalui ibadah korban ini ialah :

Pertama : Menanam sifat ikhlas dalam melaksanakan setiap ibadah yang diperintahkan oleh syariat Islam. Keikhlasan merupakan asas penting dalam memastikan sesuatu amalan diterima oleh

Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua : Menyemai sikap syukur atas segala nikmat yang dikurniakan. Salah satu hikmah pensyariatan ibadah korban adalah bagi melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat kehidupan dan rezeki yang dikurniakannya.

Ketiga : Melatih diri agar sentiasa bersabar dalam menghadapi ujian dan cabaran hidup. Ibadah korban mengingatkan kita akan pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan anaknya Nabi Ismail Alaihissalam, yang dengan penuh sabar dan taat melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Keempat : Memupuk rasa belas kasihan dan semangat tolong-menolong terhadap golongan yang kurang berkemampuan. Pensyariatan ibadah korban juga membuka ruang kepada masyarakat untuk saling peduli dan membantu, terutamanya golongan fakir dan miskin, melalui agihan daging korban.

Akhirnya, marilah kita berdoa agar ibadah korban yang kita laksanakan menjadi wasilah kepada keberkatan rezeki, perlindungan daripada segala bala dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga setiap amalan yang lahir daripada keikhlasan dan ketakwaan kita diterima serta diberikan ganjaran pahala yang berlipat ganda. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarkan Allah atas hidayah-Nya kepada kamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan". (Surah Al-Haj, ayat 27)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Sekarang kita berada di bulan Zulkaedah dan tidak lama lagi kita akan menyambut kedatangan bulan Zulhijah. Zulhijah adalah bulan yang istimewa bagi umat Islam kerana ia merupakan bulan yang signifikan dengan ibadah haji dan ibadah korban.

Ibadah korban merupakan amalan yang sangat mulia, yang berasal daripada kisah pengorbanan agung Nabi Ibrahim Alaihissalam dan keluarganya. Ia dilaksanakan bersempena Hari Raya Aidiladha serta pada hari-hari tasyrik iaitu

Majlis Haflut Takharruj raikan 292 pelajar SUAMPRIPAHS

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

YANG Berhormat Mufti Kerajaan dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



MAJLIS Haflut Takharruj Kali Ke-9 bagi meraikan seramai 292 orang pelajar yang berjaya dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) serta Brunei Cambridge GCE 'O' Level bagi Tahun 2025 (atas dan bawah).



KATOK, Khamis, 30 April. - Bagi mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan 'Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya', Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Katok, pagi tadi mengadakan Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-9 bagi meraikan seramai 292 orang pelajar yang berjaya dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) serta Brunei Cambridge GCE 'O' Level bagi Tahun 2025.

Majlis diadakan di dewan sekolah berkenaan dan merupakan acara tahunan kepada para pelajar Tahun 10 Fast-Track dan Tahun 11 yang telah menamatkan pengajian pada tahun lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned dan isteri.

Turut hadir, para ibu bapa dan penjaga pelajar yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah, Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dan diikuti nyanyian Lagu Kebangsaan serta lagu rasmi sekolah.

Selepas itu diteruskan dengan



bacaan ayat-ayat suci Al-Quran berserta terjemahannya dan disusuli ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua SUAMPRIPAHS, Dayangku Aidi Noorintan binti Pengiran Haji Zinin.

Seterusnya, penyampaian sijil kepada seramai 292 orang pelajar yang diraikan.

Di samping itu, seramai 23 orang pelajar telah menerima Hadiah Pelajar Terbaik dalam Peperiksaan SPUB bagi Tahun 2025.

Sementara lima orang pelajar menerima Hadiah Pelajar Terbaik dalam Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level bagi Tahun 2025.

Seorang pelajar lagi turut menerima Anugerah Pelajar Imtiyaz Akademik, manakala tiga orang pelajar masing-masing menerima Anugerah Imtiyaz dan Anugerah Pelajar Mulhimah bagi

Tahun 2025.

Atur cara majlis turut diserikan dengan persembahan oleh para pelajar dan ucapan oleh penerima Anugerah Pelajar Mulhimah.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Haflut Takharruj diadakan dengan tujuan untuk membarigakan serta memartabatkan pendidikan Islam dan Arab dalam kalangan masyarakat Negara Brunei Darussalam, di samping menzahirkan kegembiraan, kesyukuran dan penghargaan atas kejayaan para pelajar dalam Peperiksaan SPUB dan Brunei Cambridge GCE 'O' Level.

Majlis juga dihasratkan menjadi pendorong dan pemangkin motivasi kepada pelajar-pelajar sekolah Arab untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan.

MEMASTIKAN KETERJAMINAN TENAGA SERANTAU MELALUI KERJASAMA YANG DIPERTINGKATKAN



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri mewakili Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Khas Menteri-menteri Tenaga ASEAN (AMEM) yang telah diadakan secara maya pada 27 April 2026 (atas dan kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

Tengah menekankan keperluan untuk tindakan serantau yang segera dan bersepadu susulan perkembangan konflik geopolitik yang memberi kesan kepada pasaran tenaga dan rantaian bekalan, khususnya minyak dan gas.

Kenyataan Bersama tersebut turut menggariskan tanggungjawab kolektif ASEAN dalam memastikan keterjaminan tenaga serantau melalui kerjasama yang dipertingkatkan, termasuk dengan Rakan Dialog serta respons dasar yang tepat pada masanya.

Selain itu, Kenyataan Bersama tersebut juga menekankan keperluan segera bagi

negara-negara ASEAN untuk mengesahkan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Sekuriti Petroleum (APSA), peningkatan perkongsian maklumat serta kepelbagaian sumber tenaga bagi memastikan bekalan tenaga yang stabil, mampan dan berdaya tahan.

Penyertaan NBD dalam mesyuarat tersebut mencerminkan komitmen teguh negara untuk menyokong kerjasama serantau ASEAN, mengukuhkan keselamatan tenaga dan menggalakkan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat di rantau ini mengambil kira landskap tenaga global yang dinamik dan semakin mencabar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 April. - Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Mesyuarat Khas Menteri-menteri Tenaga ASEAN (AMEM) mengenai dengan situasi terkini di Timur Tengah yang telah diadakan secara maya pada 27 April 2026.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin

Pengiran Haji Petra, selaku Pegawai Kanan Tenaga (SOE) bagi NBD dan pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga di JPM.

Mesyuarat Khas AMEM ini telah dipengerusikan oleh Setiausaha Tenaga Republik Filipina, Puan Yang Terutama Sharon S. Garin dengan tujuan untuk membincangkan implikasi situasi konflik geopolitik di Timur Tengah, dengan memberi tumpuan kepada implikasinya terhadap keterjaminan tenaga Negara-negara ASEAN dan ketidaktentuan dalam landskap

tenaga global yang menjejaskan kestabilan pasaran bekalan minyak dan gas dan rantaian bekalan global.

Menerusi pertemuan dalam talian ini, Menteri-menteri Tenaga ASEAN dan wakil-wakil yang hadir telah mengambil peluang untuk bertukar-tukar pandangan, menilai implikasi bagi keterjaminan tenaga serantau serta mengenal pasti langkah kolektif untuk meningkatkan kesiapsiagaan dan kedayatanganan ASEAN.

Kenyataan Bersama bagi AMEM mengenai Situasi Terkini di Timur

UNISSA raih 2 Global Good Governance (3G) Awards 2026



DELEGASI UNISSA diketuai oleh Rektor UNISSA bersama Ketua Unit Pengiktirafan dan Pengkorporatan Universiti, Dr. Zulamali@Abdul Aziz bin Begawan Pehin Khatib Haji Mattasan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Rabu, 29 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mencatat satu lagi pencapaian membanggakan apabila diumumkan sebagai penerima dua anugerah berprestij dalam Global Good Governance (3G) Awards 2026.

Majlis penganugerahan berlangsung pada 28 April 2026 di salah sebuah hotel di Republik Singapura, melibatkan penyertaan lebih 200 delegasi antarabangsa daripada pelbagai sektor.

UNISSA telah menerima 3G Youth Empowerment Award 2026 dan 3G Special Award for Services to Higher Education 2026, yang

mencerminkan kecemerlangan universiti dalam memperkasa belia dan menyumbang kepada pembangunan institusi pendidikan tinggi.

Delegasi UNISSA diketuai oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, bersama Ketua Unit Pengiktirafan dan Pengkorporatan Universiti, Dr. Zulamali@Abdul Aziz bin Begawan Pehin Khatib Haji Mattasan.

Kehadiran ini bukan sahaja bagi menerima anugerah, malah turut menyertai Global Good Governance Summit 2026 yang membawa tema 'AI Governance for the Prosperity of the People and the Planet', sejajar

dengan aspirasi global dalam memperkukuh tadbir urus beretika berasaskan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence).

3G Awards 2026 dianjurkan oleh Cambridge Institute of Islamic Finance Advisory (IFA) dengan sokongan rakan strategik seperti Dentons Rodyk, Centre for

Governance and Sustainability – National University of Singapore, International Information System Security Certification Consortium (ISC2) Singapore dan lainnya yang bersama-sama menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan dan penilaian program tersebut.

Pengiktirafan ini mengukuhkan

kedudukan UNISSA sebagai institusi pendidikan tinggi Islam yang cemerlang dalam mengintegrasikan nilai Islam dengan inovasi semasa, sekali gus menjadi pelopor dalam memperkasa peranan pendidikan dalam melahirkan masyarakat berilmu, beretika dan berdaya saing di peringkat global.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Nilai Masa Dalam Membentuk Kejayaan Individu'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2026
- 'Peranan Pengguna Jalan Raya dalam Mengurangkan Kemalangan'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2026
- 'Penglibatan Belia dalam Industri Pembinaan: Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 20 Mei 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MEMBINCANGKAN ISU KEMISKINAN SECARA BERSEPADU

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) baru-baru ini menganjurkan Perbincangan Meja Bulat Hasil Dapatan Penyelidikan berkenaan dengan asnaf zakat di Negara Brunei Darussalam (NBD) bertempat di salah sebuah hotel di Gadong.

Program berkenaan merupakan kesinambungan bagi penyelidikan berkaitan asnaf zakat yang bertujuan untuk mengongsikan dapatan kajian kepada pelbagai agensi berkepentingan dan seterusnya membincangkan isu kemiskinan secara bersepadu melalui pendekatan Whole of Nation.

Perbincangan disasarkan untuk mengetengahkan isu-isu utama daripada dapatan penyelidikan berkaitan punca kemiskinan dan pola permohonan zakat serta

menyediakan platform perbincangan antara agensi berkepentingan di NBD.

Program berkenaan telah dilaksanakan dalam dua sesi utama, iaitu sesi pagi yang memfokuskan kepada pembentangan dapatan penyelidikan serta perbincangan interaktif secara berkeluster terhadap isu-isu utama. Manakala, sesi petang pula memfokuskan kepada perkongsian hasil daripada perbincangan kumpulan.

Pendekatan berkenaan



REKTOR UNISSA semasa hadir pada program tersebut (atas kiri). Sementara gambar atas, antara yang hadir menyertai perbincangan berkenaan.

memberi penekanan kepada penglibatan aktif para peserta bagi menghasilkan cadangan yang praktikal bagi mengatasi isu-isu yang dibincangkan.

Perbincangan berkenaan amat penting kerana menghimpunkan beberapa agensi kerajaan dan swasta untuk bersama-sama memikirkan langkah menangani isu kemiskinan. Semua pihak bersetuju bahawa isu kemiskinan

perlu ditangani melalui pendekatan seluruh negara Whole of Nation Approach.

Diharapkan hasil perbincangan berkenaan menjadi permulaan kepada usaha bersepadu yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.

Turut hadir sama dalam program berkenaan, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Terokai integrasi AI ke arah memajukan pengurusan sumber digital



PEGAWAI-pegawai dari Jabatan Penerangan semasa menyampaikan pembentangan yang mengetengahkan topik mengenai 'Dari Lensa Ke Sejarah : Arkib Foto dan Pelita Brunei'.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU, Rabu, 29 April. - Sempena Persidangan Bersama BLA-UBD 2026 (BLA-UBD Joint Conference 2026) pagi tadi diadakan beberapa Sesi Selari yang menyediakan platform dinamik untuk pertukaran ilmu pengetahuan dalam kalangan profesional, ahli akademik, dan pengamal yang diadakan di beberapa ruangan di Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Perbincangan ini meliputi beberapa bidang utama termasuk Kecerdasan Buatan (AI) dan Teknologi Baharu dalam Perpustakaan, yang mana subtema ini meneroka integrasi AI dan teknologi baharu dalam perkhidmatan perpustakaan, operasi serta penglibatan pengguna.

la mengalu-alukan perbincangan mengenai transformasi digital, automasi dan penggunaan AI secara beretika dalam perpustakaan akademik dan

awam, termasuk inisiatif yang menyokong agenda transformasi digital kebangsaan serta ekosistem maklumat yang bersedia untuk masa hadapan.

Menerusi perbincangan subtema Akses Terbuka, Sumber Digital dan Komunikasi Ilmiah pula, meneliti landskap yang semakin berkembang dalam penerbitan akses terbuka, repositori digital, serta pengurusan data penyelidikan.

la mengundang pelbagai perspektif dalam memperkukuh sistem komunikasi ilmiah di Brunei dan peringkat antarabangsa, menggalakkan akses saksama kepada ilmu pengetahuan, menyokong keterlihatan penyelidikan negara, serta memajukan pengurusan sumber digital yang mampan.

Manakala, subtema Perpustakaan dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) menekankan peranan perpustakaan dalam menyumbang

kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui perkhidmatan inklusif, inisiatif pembelajaran sepanjang hayat, dan penglibatan komuniti.

la mengalu-alukan sumbangan yang menunjukkan bagaimana perpustakaan di Brunei dan rantau ini menyokong keutamaan pembangunan negara, keterangkuman sosial, literasi digital, serta pembentukan komuniti yang mampan.

Dalam tinjauan Pelita Brunei di salah satu ruangan di Innovation Wharf, Perpustakaan UBD menyaksikan pembentangan mengenai subtema Koleksi Khas dan Sumber Warisan Islam, yang memberi tumpuan kepada pengurusan, pemeliharaan, dan pendigitalan koleksi khas serta warisan, termasuk manuskrip Islam dan sumber ilmiah yang penting kepada Brunei dan rantau sekitarnya.

la menggalakkan wacana mengenai pengurusan warisan budaya, amalan metadada, strategi pemuliharaan, serta peningkatan

akses kepada bahan-bahan nadir yang mencerminkan tradisi intelektual dan keilmuan Islam Brunei.

Pembentangan disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli/Haji Ramli; Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani; dan Awang Mohamad Azmi bin Awang Haji Damit yang mengetengahkan topik mengenai 'Dari Lensa Ke Sejarah: Arkib Foto dan Pelita Brunei'.

Seterusnya, Kurator Pemuliharaan dan Pemeliharaan, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Dayang Hajah Norhayatty binti Haji Morni yang menyampaikan tajuk perbincangan berkenaan 'E-Khazanah Sistem Pengurusan Koleksi Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah'.

Di sebelah petangnya pula persidangan diakhiri dengan majlis penutup yang menampilkan pembentangan resolusi serta penyampaian sijil kepada para peserta dan vendor, diikuti dengan ucapan penutup oleh Pengerusi

Bersama Persidangan.

Sebagai sebahagian daripada program, satu majlis pelancaran beberapa produk yang dihasilkan oleh 14 ahli perpustakaan di bawah projek kolaboratif FOCAL telah diadakan kelmarin disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman.

Projek kolaboratif FOCAL terdiri dari Jabatan Muzium Brunei; Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei; Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Law Library Brunei (Perpustakaan Undang-Undang Brunei); Perpustakaan Islam Brunei; Politeknik Brunei; Pusat Dakwah Brunei; Pusat Sejarah Brunei; UBD; Universiti Islam Sultan Sharif Ali; dan Universiti Teknologi Brunei.

Produk-produk ini merupakan alat carian khas untuk para penyelidik yang menggunakan Koleksi Bruneiana di perpustakaan.



ANTARA yang hadir mendengarkan pembentangan tersebut.

BENGKEL STI UTB LABUH TIRAI

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis.

TUNGKU, Khamis, 30 April. – Bengkel Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sebagai sebahagian daripada sambutan Ulang Tahun ke-40 Universiti Teknologi Brunei

(UTB) melabuh tirainya petang tadi dengan majlis penutupan bengkel tersebut bertempat di Dewan Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan UTB, di sini.

Bengkel selama dua hari yang bertemakan 'Merapatkan Sempadan dengan STI: Membina Kerjasama Penyelidikan Antarabangsa yang Berkesan' itu menghimpunkan tetamu khas, ahli akademik, para penyelidik serta wakil industri.

Bengkel tersebut dianjurkan bersama oleh Universiti Teknologi Brunei; Sekretariat Rangkaian Universiti ASEAN (AUN); Platform Sains, Teknologi dan Inovasi Jepun-ASEAN (JASTIP); serta Rangkaian Universiti ASEAN/Jaringan Pembangunan Pendidikan Kejuruteraan Asia Tenggara (AUN/SEED-Net).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; serta Timbalan Ketua Misi/Kaunselor, Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam, Miura Keiko, wakil bagi pihak Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan

Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti ucapan alu-aluan oleh Penolong Naib Canselor (Hubungan Luar dan Industri), Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar.

Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa bengkel berkenaan mencerminkan komitmen kukuh antara UTB dan rakan-rakannya dalam memperkukuh kerjasama serantau dan antarabangsa dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, di samping menegaskan kepentingan penyelarasan yang berkesan serta kerjasama berterusan dalam menterjemahkan penyelidikan kepada impak yang bermakna.

Seterusnya, ucapan yang disampaikan oleh Profesor Emeritus Dr. Hideaki Ohgaki dari

Platform Sains, Teknologi dan Inovasi Jepun-ASEAN (JASTIP), Universiti Kyoto, yang berkongsi pandangan mengenai kerjasama serantau serta peranan STI dalam menangani cabaran global.

Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri pula ketika menyampaikan ucapan penutupnya menekankan kepentingan kerjasama dan penyelarasan yang berkesan dalam memajukan sains, teknologi dan inovasi, serta menyatakan bahawa inisiatif seperti ini menyokong aspirasi negara di bawah Wawasan Brunei 2035 dan mengukuhkan kedudukan Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan global dalam landskap STI.

>> Muka 20

Peluang timba ilmu daripada qari bertaraf antarabangsa



BENGKEL Zainul Quran dirasmikan oleh Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Zulhili bin Haji Omar Ali.

SERUSOP, Khamis, 30 April. – Seramai 60 peserta yang terdiri daripada 30 pelajar Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) serta 30 tenaga pengajar STAR dan Skim Tilawah Al-Quran Kanak-kanak (STAKA) menyertai Bengkel Zainul Quran bersama qari antarabangsa sempena Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Bengkel Zainul Quran berkenaan diadakan selama enam hari bermula hari ini sehingga Selasa, 5 Mei 2026 bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiyah, Kampung Serusop.

Bengkel berkenaan diadakan susulan jemputan khas kepada qari dari Malaysia, Awang Mohamad Husaini bin Mahmud yang telah membuat persembahan pada hari ketiga Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M.

Beliau juga diundang sebagai fasilitator utama Bengkel Zainul Quran berkenaan.

Awang Mohamad Husaini merupakan johan qari Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-64 pada 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Hadir selaku tetamu khas dan seterusnya merasmikan Bengkel Zainul Quran pagi tadi, Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Zulhili bin Haji Omar Ali.

Bengkel dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU, Awang Haji Aziman bin Haji Zaman. Disusuli dengan ucapan daripada tetamu khas yang diselenggarakan dengan perasmian bengkel berkenaan.

Bengkel Zainul Quran berkenaan dianjurkan oleh KHEU melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Sepanjang bengkel, para peserta didedahkan dengan latihan intensif yang merangkumi teknik bacaan Al-Quran yang berkualiti, penguasaan tarannum, kawalan suara dan pernafasan serta gaya persembahan tilawah.

Selain itu, sesi latih tubi dan ujian

praktikal turut diadakan bagi menilai tahap penguasaan peserta secara berterusan.

Penganjuran bengkel berkenaan bertujuan untuk meningkatkan mutu bacaan Al-Quran dalam kalangan peserta, di samping membina keyakinan diri serta memberi peluang menimba ilmu secara langsung daripada qari bertaraf antarabangsa.

Inisiatif berkenaan juga merupakan usaha berterusan dalam melahirkan lebih ramai qari dan qariah yang berpotensi untuk mewakili negara di peringkat antarabangsa.

Bengkel berkenaan dihasrat dapat terus menjadi platform pembangunan bakat dalam bidang tilawah Al-Quran serta berperanan sebagai medium memperkukuh kefahaman dan penghayatan ajaran Islam dalam kalangan generasi muda.

Penganjuran bengkel berkenaan juga selaras dengan tema musabaqah pada tahun ini, iaitu 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya'.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Bengkel Zainul Quran yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiyah, Kampung Serusop.

Ketengahkan peranan AI dalam penyelidikan, pendidikan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Khamis, 30 April. – Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam (BLA) dengan kerjasama Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei (UTB) pagi tadi mengadakan Forum Kecerdasan Buatan (AI) bertajuk 'Peranan AI dalam Membentuk Masa Depan Penyelidikan dan Pendidikan', bertempat di Dewan Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan UTB, di sini.

Dianjurkan sebagai sebahagian daripada sambutan Ulang Tahun Ke-40 UTB, dan bersempena dengan Ulang Tahun Ke-40 BLA, forum berkenaan merupakan sebahagian daripada beberapa siri program yang berlangsung hingga Januari 2027.

Atur cara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden BLA, Dayang Hajah Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny.

Forum berkenaan dikendalikan oleh Pustakawan Kanan Perpustakaan UTB, Awang Muhammad Hafizuddin bin Haji Abu Hasrah, selaku moderator.

Sesi panel menampilkan empat orang pembentang terkemuka iaitu Presiden Persatuan Sains Maklumat dan Perpustakaan Antarabangsa, Universiti Terbuka Sukhothai Thammathirat, Thailand, Professor Dr. Namtip Wipawin; Profesor Madya dan Naib Canselor Bahagian, UTB, Dr. Au Thien Wan; Ketua Pusat Pembelajaran Berteraskan Teknologi (CTEL), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE); dan Pengajar Teknikal Kanan, Sekolah ICT, IBTE, Dayang Norliha binti Mohd. Din.

Semasa sesi tersebut, para panelis berkongsi perspektif bernilai tentang peranan AI yang semakin berkembang dalam mengubah penyelidikan dan pendidikan, terutamanya dalam mempertingkatkan amalan pengajaran, pembelajaran dan ilmiah.

Forum antara lain bertujuan untuk meluaskan kefahaman tentang AI dalam kalangan pelajar prasiswazah, ahli akademik, dan komuniti pendidikan yang lebih luas, sambil menonjolkan kepentingan AI sebagai pemangkin transformasi digital global.

Perbincangan berkenaan adalah selaras dengan keutamaan nasional di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital Brunei Darussalam 2025, inisiatif Smart Nation, dan Wawasan Brunei 2035.

Lebih kurang 60 orang pelajar daripada pelbagai universiti dan institusi pengajian tinggi, bersama staf akademik UTB, hadir di forum berkenaan.

Acara tersebut mencerminkan komitmen berterusan BLA dan Perpustakaan UTB dalam menonjolkan pertukaran ilmu, mempromosi inovasi, dan melengkapkan komuniti akademik dengan kompetensi sedia masa depan dalam era AI, sambil menyumbang secara bermakna kepada sambutan 40 tahun kecemerlangan UTB dalam pendidikan tinggi, penyelidikan, dan inovasi.



PARA pembentang ketika membentangkan pada sesi panel tersebut.

MESYUARAT BINCANG PERSEDIAAN SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



MESYUARAT dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail, wakil Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang turut hadir pada mesyuarat berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 April. – Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) mengadakan mesyuarat bagi membincangkan laporan post-mortem HKK 2025 dan persediaan bagi menyambut HKK 2026 yang telah berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan dan Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail, wakil Setiausaha Tetap Kementerian Hal

Ehwal Ugama.

Dalam ucapannya, Pengerusi Bersama menyatakan penghargaan atas kehadiran ahli-ahli jawatankuasa serta mengalu-alukan pelantikan Ahli-ahli Baharu Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK 2026.

Beliau turut memaklumkan bahawa Sambutan HKK 2026 akan diraikan pada Ahad, 3 Mei 2026, yang diadai dengan Majlis Kesyukuran sempena HKK 2026 pada 2 Mei 2026 bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Beliau menekankan bahawa institusi keluarga merupakan teras utama pembangunan masyarakat dan memainkan peranan penting dalam memperkukuh perpaduan serta membentuk masyarakat yang makmur dan berintegriti.

Sambutan HKK, jelas beliau, bukan sekadar acara tahunan, malah merupakan platform penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan institusi keluarga serta membantu mencegah permasalahan sosial dan kekeluargaan di negara ini.

Pengerusi Bersama turut menjelaskan bahawa dapatan daripada Social Blueprint Brunei Darussalam (SBP) telah mengenal pasti trend semasa, kekuatan serta cabaran yang dihadapi oleh institusi keluarga, yang seterusnya menjadi asas dalam merancang inisiatif dan program yang lebih relevan dan menyeluruh.

SBP juga mengiktiraf institusi keluarga sebagai teras pembangunan sosial negara melalui Aspirasi 2 iaitu 'Memperkasakan Keluarga yang Penyayang, Kukuh dan Berdaya Tahan'.

Selain itu, beliau turut memaklumkan mengenai usaha pengukuhan daya tahan keluarga melalui pembangunan Indeks Kedayatahan Keluarga, selaras dengan penekanan terhadap kepentingan memperkukuh institusi keluarga sebagai asas pembangunan masyarakat dan negara.

Mengakhiri ucapannya, beliau menggalakkan semua pihak untuk terus berganding bahu dan memberikan komitmen bersepadu dalam merancang serta melaksanakan program-program utama Sambutan HKK 2026 demi memastikan kesejahteraan keluarga terus diperkasa dan kekal sebagai teras pembangunan mampan negara.

Antara yang dibincangkan

semasa mesyuarat ini ialah mengenai pengisian sambutan HKK 2026 melalui aktiviti-aktiviti dan program-program mengikut kluster yang lebih teratur, yang diharapkan akan memudahkan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif sempena HKK seperti Kluster Pendidikan dan Kesedaran; Keagamaan; Sukan dan Riadah; Rekreasi; Kesihatan; Pakej Promosi dan Media serta Publisiti.

Selain itu, isu Analisis Situasi Semasa (Current Situational Analysis) juga turut dibincangkan dalam memastikan program-program yang akan dilaksanakan lebih berimpak tinggi, mempunyai kualiti dan berkesan mengikut kluster-kluster yang telah dikenal pasti ke arah melahirkan keluarga dan masyarakat yang harmoni dan berdaya tahan.

Jawatankuasa juga mengambil maklum beberapa perancangan aktiviti / program kekeluargaan akan dilaksanakan di peringkat akar umbi di keempat-empat daerah.

Syarikat perniagaan dan pihak

swasta adalah dialu-alukan untuk mengadakan pakej promosi istimewa kepada keluarga seperti pakej penginapan, pakej istimewa keluarga di restoran, taman permainan, pakej promosi kesihatan dengan objektifnya untuk meluahkan masa yang berkualiti bersama ahli keluarga.

Orang ramai termasuk pihak media dan agensi-agensi yang berhasrat untuk mengadakan aktiviti / program sempena HKK 2026 hendaklah memaklumkan kepada Urus Setia HKK dan seterusnya memohon kebenaran untuk menggunakan logo HKK 2026 melalui e-mel bhgkww@japem.gov.bn atau menulis surat kepada Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Setiausaha Bersama, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK 2026.

Turut hadir ke mesyuarat ini ialah ahli-ahli jawatankuasa tertinggi yang terdiri daripada, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, sektor swasta dan persatuan badan-badan bukan Kerajaan.



Jerayawara perkenalkan inovasi pertanian tempatan

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Agrodynamics International Brunei Sendirian Berhad



TUTONG, Rabu, 29 April. – Program Jerayawara Sesi Pengenalan Baja Cecair Buat Tempatan kini diteruskan dan diperluaskan lagi ke Daerah Tutong melalui kerjasama strategik bersama Jabatan Daerah Tutong, hari ini.

Inisiatif tersebut merupakan kesinambungan usaha dalam memperkenalkan inovasi pertanian tempatan kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Antara yang hadir pada jerayawara bertempat di Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah

Tutong ialah Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong.

Pengurus Am Agrodynamics International Brunei Sendirian Berhad, Awang Muhammad Izan Azwan bin Awang Yahya dalam ucapan alu-aluannya antaranya berkata, program berkenaan merupakan kesinambungan daripada usaha pihaknya untuk memperluaskan lagi pendedahan mengenai penggunaan baja cecair buatan tempatan, DynamicsGrow, sebagai salah satu solusi moden

dalam meningkatkan produktiviti pertanian khususnya kepada masyarakat di Daerah Tutong.

Jelasnya lagi, tujuan utama jerayawara itu adalah bagi memberi pendedahan mengenai kepentingan penggunaan baja cecair yang lebih efisien, selamat, dan mesra alam dalam meningkatkan hasil serta kualiti tanaman.

"Dalam masa yang sama, kami juga ingin membuka ruang perbincangan dan kerjasama dengan komuniti setempat agar sektor pertanian tempatan dapat terus diperkasa dan dibangunkan secara mampan," tambah beliau.

Dalam pada itu, Awang Muhammad Izan Azwan turut mempercayai bahawa peranan MPMK amat penting dalam menyampaikan maklumat serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pertanian.

Justeru itu, dengan adanya sokongan daripada pihak MPMK, pihak syarikat juga meyakini usaha ini akan memberikan impak positif kepada pembangunan sektor pertanian di negara ini.

Setelah itu, pengenalan produk DynamicsGrow disampaikan oleh Penyelaras Penjualan dan Pemasaran Kreatif, Awang Mohammad Safwan bin Puspa Wira, dan seterusnya demonstrasi penggunaan baja cecair daripada Penyelaras Ladang, Awang Muhammad Sazrin Addyfaid bin Abdul Aziz; dan Juruteknik



DEMONSTRASI penggunaan baja cecair daripada Penyelaras Ladang, Awang Muhammad Sazrin Addyfaid bin Abdul Aziz dan Juruteknik Makmal, Dayang Nurkhairah Muti'ah binti Kambrin (kiri). Manakala gambar atas, sebahagian yang hadir pada program berkenaan.

Makmal, Dayang Nurkhairah Muti'ah binti Kambrin.

Program ini turut disertai oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, selaku rakan strategik syarikat, yang sudi hadir serta memberikan sokongan dalam menjayakan jerayawara berkenaan.

Menerusi program ini, ia sememangnya memberi ruang interaksi secara langsung antara pihak syarikat dan komuniti setempat bagi berkongsi pengetahuan, pengalaman serta potensi kerjasama dalam

memajukan sektor pertanian.

Selain itu, inisiatif tersebut juga diharap dapat menyokong usaha kerajaan dalam memperkasakan sektor pertanian tempatan, seterusnya meningkatkan hasil dan kualiti tanaman ke arah pertanian yang lebih mampan dan berdaya saing.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperluaskan penggunaan produk buatan tempatan serta memperkukuh jaringan kerjasama antara pihak industri dan komuniti.

2 PETUGAS HAJI SYARIKAT AL-HIJRAH BERTOLAK KE JEDDAH

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 April. - Dua petugas haji dari Syarikat Al-Hijrah telah bertolak lebih awal ke Jeddah bagi melaksanakan persiapan akhir menjelang ketibaan bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya jemaah di bawah kendalian syarikat berkenaan.

Petugas tersebut terdiri daripada Pengarah Urusan Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd. (AHTTSB) selaku Ketua Rombongan, Awang Haji Shamsul Baharin bin Haji Abd. Rahman dan Pengarah Eksekutif selaku Timbalan Ketua Rombongan, Awang Haji Md. Yunus bin Haji Taha. Penerbangan awal tersebut bertujuan memastikan segala urusan penginapan di Madinah dan Makkah, pengangkutan bas serta persiapan logistik berada dalam keadaan teratur dan sedia.

Selain itu, para petugas juga dijadualkan mengadakan kunjungan muhibah bersama

Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah, di samping berunding dengan Pegawai-pegawai Maktab Urusan Haji Kerajaan NBD yang lebih awal berada di sana serta pihak maktab pengendali haji di Makkah.

Usaha ini adalah bagi mendapatkan maklumat terkini serta menyelaras penyampaian informasi kepada bakal jemaah haji NBD.

Pada tahun ini, seramai 117 bakal jemaah haji akan mengikuti pakej Al-Hijrah dengan dibantu oleh tiga petugas haji serta para *mutawwif* (pembimbing dan petugas tempatan) sepanjang berada di Tanah Suci.

Bakal jemaah dijadualkan bertolak melalui penerbangan ketiga pada Rabu, 6 Mei 2026, jam 12.00 tengah hari (waktu tempatan), tertakluk kepada sebarang perubahan oleh pihak berkuasa.

Setibanya di Madinah, para jemaah akan ditempatkan di Nozol Royal Inn yang terletak berhampiran Masjid Nabawi.



SESI bergambar ramai bagi mengucapkan selamat berlepas kepada dua petugas haji dari Syarikat Al-Hijrah.

Sementara itu di Makkah, jemaah akan menginap di Anwar Deafah Hotel yang berhampiran Masjidil Haram.

Sepanjang berada di Tanah Suci, pelbagai aktiviti telah dirancang, termasuk ziarah ke Makam Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lawatan ke tempat-tempat bersejarah seperti Perkuburan Baqi, Masjid Quba, Bukit

Uhud serta kebun kurma di sekitar Madinah.

Di Makkah pula, jemaah akan dibawa melawat ke lokasi penting seperti Jabal Nur, Jabal Thur, Arafah, Muzdalifah dan Mina.

Di samping itu, aktiviti kerohanian seperti ulang kaji ibadah haji dan

umrah turut akan diadakan dengan bimbingan petugas Syarikat Al-Hijrah serta Maktab Urusan Haji NBD.

Bagi penerbangan ketiga, jemaah dijadualkan berlepas pulang pada 4 Jun 2026 dan dijangka tiba di Bandar Seri Begawan pada 5 Jun 2026, jam 12.00 tengah hari.

Bersama meningkatkan bekalan darah negara

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Isnin 4 Mei 2026 10.00 pagi hingga 3.00 petang	The Daun Kiulap Bangunan A, Tingkat Bawah PH Apong Kiulap
Selasa 5 Mei 2026 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari	Bangunan Muara International Fish Landing Sdn Bhd, Kompleks Pendaratan Ikan Muara
Rabu 6 Mei 2026 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Taman Rekreasi Liang Lumut Sempen Pesta Bedudun (Sungai Liang)
Khamis 7 Mei 2026 9.00 pagi hingga 11.30 dan 1.15 petang hingga 3.00 petang	Syarikat Rentokill Initial Bangunan Hj Lajim dan Anak-Anak, Kiarong
Sabtu 9 Mei 2026 9.00 pagi hingga 11.30 pagi Dan 1.30 Petang hingga 3.30 petang	Dewan Serbaguna Jabatan Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang Lama Berakas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 April. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah di beberapa buah tempat di negara ini.

Kempen-kempen Derma Darah akan diadakan pada Isnin, 4 Mei

2026 di The Daun Kiulap, Bangunan A, Tingkat Bawah PH Apong Kiulap bermula 10.00 pagi hingga 3.00 petang sementara itu pada Selasa, 5 Mei 2026, Kempen Derma Darah juga diadakan di Bangunan Muara International Fish Landing Sdn. Bhd., Kompleks Pendaratan Ikan Muara bermula 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Manakala pada Rabu, 6 Mei 2026, Kempen Derma Darah diadakan di Taman Rekreasi Liang Lumut sempena Pesta Bedudun (Sungai Liang) bermula 10.00 pagi hingga 2.00 petang dan pada Khamis, 7 Mei 2026, Kempen Derma Darah diadakan di Syarikat Rentokill Initial, Bangunan Haji Lajim dan Anak-anak, Kiarong bermula 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.15 petang hingga 3.00 petang.

Kempen Derma Darah juga diadakan pada Sabtu, 9 Mei 2026 di Dewan Serbaguna Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas bermula 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada hari-hari bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

Bengkel STI UTB labuh tirai

Oleh : Khartini Hamir

>> Muka 18

Tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan penyampaian siji dan tanda penghargaan kepada para fasilitator dan peserta bengkel.

Majlis turut diselenggarakan dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat daripada Naib Canselor UTB dan Universiti Kyoto.

Bengkel STI yang berlangsung dari 29 hingga 30 April 2026 di UTB ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Platform Penyelaras STI ASEAN-Jepun, yang disokong oleh Dana Integrasi Jepun-ASEAN (JAIF).

Inisiatif ini bertujuan memperkasa generasi baharu pemimpin STI sebagai penyelaras penyelidikan, memperkukuh keupayaan institusi, serta memupuk kerjasama mampan antara ASEAN dan Jepun.

Bengkel ini menghimpunkan penyelidik awal kerjaya, pelajar pascasiswazah dan ahli akademik kanan melalui pelbagai sesi interaktif yang memfokuskan kepada penyelaras STI, strategi kerjasama penyelidikan, reka bentuk dan pengurusan projek, serta peluang pembiayaan.

Para peserta juga meneliti amalan terbaik dan kajian kes, sekali gus memperoleh pemahaman mendalam mengenai kerjasama penyelidikan antarabangsa yang berkesan.

Bengkel STI berfungsi sebagai platform untuk memperkukuh kerjasama antara akademik, industri dan rakan antarabangsa, di samping melengkapkan peserta dengan pengetahuan serta kemahiran penting dalam bidang teknologi baharu.

Sempena sambutan Ulang Tahun Ke-40 UTB, universiti ini terus komited dalam memajukan kecemerlangan dalam pendidikan, penyelidikan dan inovasi, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara serta mengukuhkan penglibatan globalnya.

Memperkukuh kefahaman mengenai penjagaan diri, adab, keselamatan



SEKITAR forum kekeluargaan berkenaan yang berlangsung di Lecture Theatre Hall, The Core, Universiti Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Afiah

TUNGKU LINK, Rabu, 29 April. - Persatuan Afiah telah berjaya menganjurkan sebuah forum kekeluargaan yang membawakan tajuk 'Anak Bijak Menjaga Diri : Pendidikan Seksual Beradab dalam Keluarga' bertempat di Lecture Theatre Hall, The Core, Universiti Brunei Darussalam (UBD), baru-baru ini.

Program ini dihadiri oleh seramai 50 peserta yang terdiri daripada ibu bapa, penjaga dan pendidik, dalam suasana yang interaktif, terbuka dan penuh manfaat.

Forum ini bertujuan untuk memperkukuh kefahaman ibu bapa dalam membimbing anak-anak mengenai penjagaan diri, adab serta keselamatan, khususnya dalam menghadapi cabaran dunia masa kini.

Forum menampilkan barisan panel jemputan yang berpengalaman dalam bidang masing-masing, iaitu Acting Associate Specialist, Child Development Centre, Dr. Diana binti Tahir; Pegawai Kerja Sosial, Bahagian Keluarga, Wanita & Kanak-Kanak, Dayang Nuurhafizah binti Brahim dan Pegawai Tugas-Tugas Khas, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Muhd. Yusoff bin Haji Abd. Majid.

Ketiga-tiga panel telah berkongsi pandangan daripada perspektif kesihatan, sosial dan agama, sekali gus memberikan pendekatan yang menyeluruh dalam mendidik anak-anak secara berhemah dan beradab.

Antara inti pati utama forum ialah kepentingan pendidikan seksual beradab dalam keluarga, peranan ibu bapa sebagai pelindung dan pembimbing utama anak-anak.

Selain itu, ia juga memberikan kesedaran terhadap isu keselamatan dan perlindungan kanak-kanak dan pendekatan komunikasi yang sesuai antara ibu bapa dan anak.

Program ini turut diserikan dengan mini pameran yang melibatkan penyertaan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Persatuan Afiah, yang menyediakan maklumat serta sumber rujukan berkaitan sokongan keluarga dan kesejahteraan masyarakat.

Salah satu elemen menarik dalam forum ini ialah sesi interaktif seperti perkongsian kes, refleksi situasi serta perbincangan terbuka yang memberi peluang kepada peserta untuk memahami realiti cabaran semasa serta cara menghadapinya dengan lebih yakin dan berilmu.

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Persatuan Afiah dalam memperkasa institusi keluarga melalui pendekatan pendidikan, kesedaran dan sokongan komuniti, selari dengan nilai masyarakat tempatan yang berteraskan Melayu Islam Beraja.



**INSTITUT PENDIDIKAN
TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Bilangan Tawaran:
IBTE / TB / 005 / TK26-27
[CCA-APR-2026]

Keterangan:
Perkhidmatan Pembekalan, Pembuatan dan Penghantaran Baju CCA Lengkap Dengan Logo Rasmi "IBTE" Bagi Pelajar-Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Kontrak Empat (4) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
IBTE / TB / 006 / TK26-27
[CT-APR-2026]

Keterangan:
Perkhidmatan Pembekalan, Pembuatan Dan Penghantaran Baju Coverall (Fire-Retardant Dan Non Fire-Retardant) Dan Tudung (Fire-Retardant) Lengkap Dengan Logo Rasmi "IBTE" Bagi Pelajar-Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Kontrak Empat (4) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND50.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
IBTE / TB / 007 / TK26-27
[SB-APR-2026]

Keterangan:
Perkhidmatan Pembekalan dan Penghantaran Kasut / But Keselamatan (Safety Shoes / Boots) Bagi Pelajar-Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Kontrak Empat (4) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND50.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa
20 Mei 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang
(Tidak lewat Jam 2.00 Petang)



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 08

Tajuk Tawaran:
Procurement And Supply Of Brunei Cultural Items For The Asean Korea Centre

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
14 Mei 2026,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 09
Supply And Delivery Of Mesra Lapel Pin Badges

Tarikh Tutup:
Khamis
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan) -
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Iklan:
JBT / PLPC / 01 / 2026-2027

Tajuk Iklan:
Kekosongan Petak-Petak dan Bangku Di Bangunan Milik Jabatan Bandaran Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
13 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JBT / S / 02 / 2026-2027
Kekosongan Ruang-Ruang Gerai Makan Di Bangunan Milik Jabatan Bandaran Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
13 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 19 / 2026 / 2027
(JPPE-MEI-2026)
Supply, Deliver And Fix Into Place New Stainless Steel Counter Top, Fixed And Loose Furniture Including Upgrading Works To Food And Nutrition Cookery Room At Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja, Mentiri, Negara Brunei Darussalam.**

Kelas:
II / III Sahaja

Kategori:
B01 & E01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Membeli Dokumen Tawaran:
Sabtu
16 Mei 2026

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa
19 Mei 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
(06) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja - Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan BG8971 Toyota Land Cruiser Prado LJ95R-GKMNS – Diesel 4 CYLS

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
(07) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja – Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan BG4981 Mitsubishi Pajero Sport Diesel 4 Cylinder

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
(08) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja - Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan BG 4982 (TT) Mitsubishi Pajero GL 2.8 Diesel 4 CYLS

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
(09) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja – Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan BG 4278 (KB) Mitsubishi L200 Triton Diesel 4 CYLS

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
(10) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Supply, Delivery, Dismantling, Installation, Setup, Testing and Commissioning of Additional CCTV Camera System Phase II at Jabatan Penerangan



Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :
(11) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja – Kerja Penyelenggaraan Atap Di Bangunan Asal Jabatan Penerangan

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :
(12) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja – Kerja Penyelenggaraan Atap Di Bangunan Substation Jabatan Penerangan

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :
(13) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Membekal, Memasang Serta Menghias Barangan dan Hiasan Bunga-Bunga Serta Pokok Plastik Di Jabatan Penerangan.

Yuran :
BND 5.00

Tarikh Tutup :
Khamis,
7 Mei 2026,
Jam 8.00 Pagi

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
(14) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
Mencetak Buku Kompilasi Sabda Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2023-2025

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
(15) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Mencetak Buku Himpunan Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri 2020-2025

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis,
7 Mei 2026,
Jam 8.00 Pagi




**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2026-2027 / 02
Pembekalan Toner Mesin
Pencetak LEXMARK CS622DE

Mesin Pencetak :
LEXMARK CS622DE

**Keterangan Pembekal
dan Unit Diperlukan:**
Toner

Toner :
Black Extra High Yield 8.5K Pages
78C3XKO : 8 pcs
Yellow Extra High Yield
78C3XY0 : 7 pcs
Magenta Extra High Yield 5K
Pages 78C3XM0 : 7 pcs
Cyan Extra High Yield 5K Pages
78C3XC0 : 7 pcs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**Jabatan Audit
Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran :**
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2026-2027 / 01
Pembekalan Toner Dan Drum
Bagi Mesin Pencetak Brother
HL-L2370DN Dan Brother
HL-L2385DW

Mesin Pencetak :
Brother HL- L2370DN
Dan Brother HL- L2385DW

**Keterangan Pembekal
dan Unit Diperlukan:**
Toner TN-2484
(Yield : 4,500 Pages)
– 50 pcs dan Drum DR-2455
(Yield:12,000 Pages) – 18 pcs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / JAN / 131 / 2025

Tajuk Tawaran :
Provision For Electronic Overhead
Travelling Crane Health Check,
Rectification And Certification At
DES Power Stations

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama,
Aras 1
Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB 3913.
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan :
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Kewangan Bagi Perkhidmatan
ROCBN

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperoleh di
Kaunter Unit Tawaran dan
Sebut harga,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.



Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND457.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
16 Mei 2026
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas
Dibukakan Khas Bagi Warga
Negara Dan Penduduk Tetap
Negara Brunei Darussalam,
Pemilik Syarikat / Premis Syarikat
Hendaklah Beralamat (Mengikut
Sijil Perniagaan 16/17) Di Tempat
Kantin Berkenaan Bertapak.
Sebagai Contoh, Hanya Pemilik
Syarikat / Premis Syarikat Yang
Beralamat Di Daerah Brunei
Muara Yang Dapat
Dipertimbangkan Untuk
Mengendalikan Kantin Di
Sekolah-Sekolah Yang Bertapak
Di Daerah Brunei Muara.

Makluman Iklan Lanjutan

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 009 / 2026

Tajuk:
Provision Of Manpower For Low
Voltage Remedial Works In Tutong
District For Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran
syarikat dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3, 4
Atau 5, dalam Kategori E02 & E03
dan mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE
dalam kategori E02
dan E03.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Rujukan
Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 /
ITAU / TA / BKS / 001
Proposed Design And
Building Of New Minaret For
Masjid Pulau Baru-Baru

Tempoh Penyiapan Kerja:
3 Tahun

Kelas:
III dan Keatas

Kategori:
KA01 dan B01

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran,
iaitu
**Selasa,
19 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Makluman Iklan Lanjutan

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 110 / 2025

Tajuk Tawaran:
Consultancy Services For
Transmission Infrastructure
Upgrade (66KV to 132KV)
From Seria Substation
To Panaga Substation

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:
Konsultan Jurutera Mekanikal
Atau Jurutera Awam Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
(BAPEQS)

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan lanjut bolehlah
diperoleh dari **Bahagian kaunter
Unit Tawaran dan Sebut harga,
Tingkat Empat,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.**


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Tawaran:
JPH / 002 / SH / 2572 /
2026 - 2027
Tender To Bid For
The Rights To Harvest,
Extract, And Remove
Forest Produce
(Primarily Acacia Trees)
Within Designated Areas
Of The Berakas Forest Reserve,
Brunei Muara District

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
14 Mei 2026
2.00 Petang


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**DA / JKSH / 22 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Sinaut
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND62.00 Sebulan

**DA / JKSH / 23 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Penapar
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun



Harga Sewa Kantin :
BND36.00 Sebulan

**DA / JKSH / 24 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Muda Hashim
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND172.00 Sebulan

**DA / JKSH / 25 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Sekolah Rendah
Muhammad Alam
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND144.00 Sebulan

**DA / JKSH / 26 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Sekolah Menengah
Perdana Wazir
Daerah Belait



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2026 – 2027 / 03

Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2026 – 2027 / 04

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of 'Mesra'
Campaign Merchandise

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Integrated Creative
Development Services For
Nationwide Mesra Campaign

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga :**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian*

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga :**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian*



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU /
TL / TA / 6002
Pembelian Alat Pengeledahan
Kapal (Ship Boarding) Bagi
Kegunaan Komando Tier 2 Grup
Tindak Permukaan Laut

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 /
GCAU / TL / TA / 6001
Permohonan Pembelian Boots
Half Wellington White Untuk
Kegunaan Anggota-Anggota
Tentera Laut Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang
Tawaran adalah
satu (1) minggu
sebelum tarikh
tutup tawaran,
iaitu
**Selasa,
12 Mei 2026.**

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang
Tawaran adalah
satu (1) minggu
sebelum tarikh
tutup tawaran,
iaitu
**Selasa,
12 Mei 2026.**

**Tarikh Tutup
Tawaran:**
Selasa,
19 Mei 2026,
2.00 Petang

**Tarikh Tutup
Tawaran:**
Selasa,
19 Mei 2026,
2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 08
Repair And Repainting Works To
VVIP Grandstand (Wing A And
Wing B)
And VVIP Toilet Block At Jalan
Pengiran Ahmad Tutong,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 09
Dewan Seri Kenangan Kompleks
Dewan Kemasyarakatan Tutong
Parquet Flooring Varnish Painting

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin
11 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 10
Painting Works Of Dewan Utama
Kompleks Dewan
Kemasyarakatan Tutong

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 11
To Supply And Installation Of G25
Concrete On The Existing Road
Fillage At Pasar Malam
Seri Kenangan Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin
11 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (siti tempatan dan pengiklanan Tajuk Kelulusan Pengiklanan Kelulusan (PKLK) yang berlesen)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selaras" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Jurus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / ketetapan profesional dan lain-lain yang dipertanyakan di dalam skim iklan)

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEMBACA METER JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/09/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	06 MEI 2026
2. PENGGERAK JENTERA TURBINE JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/10/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7(A)	06 MEI 2026
3. TUKANG MASAK TINGKAT I KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/APR/02/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	02	7(A)	06 MEI 2026
4. PEKERJA TEKNIKAL TINGKAT KHAS KEMENTERIAN PEMBANGUNAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/04/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	12	7(A)	06 MEI 2026
5. PEGAWAI PEMELIHARAAN TERNAKAN KANAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN B.3 (BAHAGIAN II) 2026/APR/03/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	38(B)	06 MEI 2026
6. PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/APR/05/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN	03	7(A)	09 MEI 2026
7. MERINYU METER JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/11/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7(A)	09 MEI 2026
8. PEMBANTU MAKMAL RENDAH JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL KEMENTERIAN KESIHATAN D.1-2 EB.3-4 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/03/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	09 MEI 2026
9. PEKERJA AM TINGKAT I KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/APR/01/KHLN	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	01	7(A)	09 MEI 2026

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



جوالن سالینن کمبر ۲ دیکیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
 Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
 satu keping cd adalah BND21.
 (Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima
 pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam
laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)
 dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil
 oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
 JABATAN PERDANA MENTERI,
 LAPANGAN TERBANG LAMA,
 BERAKAS, BB3510,
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
 KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
 BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
 8.00 Pagi – 12.00 T/hari
 2.00 Ptg – 3.00 Ptg
 Sabtu
 8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
 Jabatan Perdana Menteri
 Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

REHLATUL UKHUWAH PENERANGAN USAHA BERTERUSAN DEKATI RAKYAT, PENDUDUK



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini mengetuai rombongan Program Rehlatul Ukhawah Penerangan (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada program tersebut.

TUTONG, Khamis, 30 April. – Jabatan Penerangan menerusi inisiatif pelaksanaan Program Rehlatul Ukhawah Penerangan terus berusaha untuk mendekati rakyat dan penduduk di negara ini tidak mengira kawasan bandar mahupun pedalaman.

Program Rehlatul Ukhawah Penerangan, yang bermaksud Perjalanan Persaudaraan Penerangan, menggunakan pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation kali ini diadakan di Taman Warisan Tasek Merimbun hari ini dengan penglibatan penduduk kampung di Mukim Ukong dan Mukim Rambai.

Program disertai oleh peserta yang mewakili agensi kerajaan selaku rakan strategik Jabatan Penerangan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK) yang telah bekerja rapat dengan Urus Setia JPAKK & JJK dalam pelaksanaan program dan aktiviti perhubungan awam

secara strategik melalui pendekatan berkenaan, agar program mempunyai impak nasional.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Program dimulakan dengan penyampaian Potret Wajah Kebawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan bahan bacaan Jabatan Penerangan terkini di Sudut Penerangan yang ditempatkan di Balai Ibadat Hajah Aminah,

Kampung Long Mayan.

Penyerahan berkenaan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan kepada Pemangku Imam Balai Ibadat berkenaan, Awang Muhd. Ghazali bin Muhd. Ariffin.

Selain itu, turut menyumbangkan bahan terbitan ialah dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Pembangunan, dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Adapun Sudut Penerangan adalah sudut yang memuatkan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan selaras dengan visinya ke arah 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', di samping bahan-bahan terbitan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain.

Selepas itu, rombongan bergerak ke lokasi utama program berkenaan, iaitu Taman Warisan Tasek Merimbun.

Acara dimulakan dengan penyerahan Potret Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha kepada wakil Penghulu Mukim Ukong dan wakil Penghulu Mukim Rambai, diikuti dengan sesi permuzakarah.

Pemangku Pengarah Penerangan semasa berucap menjelaskan bahawa Program Rehlatul Ukhawah Penerangan merupakan platform komunikasi dua hala di antara pihak kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta dengan rakyat serta penduduk bagi meningkatkan kefahaman mengenai inisiatif kerajaan, NGO serta swasta berkaitan pembangunan negara, di samping penyelesaian isu-isu yang dihadapi oleh penduduk kampung.

Setelah itu, para penduduk di

kedua-dua buah kampung berkenaan juga berpeluang berdialog bersama agensi-agensi kerajaan yang antaranya berkaitan dengan prasarana, keselamatan dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

Agensi-agensi yang menyertai program berkenaan termasuk dari Jabatan Perdana Menteri, iaitu Jabatan Perkhidmatan Elektrik, PPDB; KKBS, iaitu Jabatan Muzium-Muzium Brunei; KSSUP, iaitu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kemajuan Pelancongan; Kementerian Pembangunan, iaitu Jabatan Kerja Raya Cawangan Daerah Tutong, Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Tanah, Jabatan Saliran dan Pembetulan, Autoriti Kawalan Binaan dan Industri Pembinaan (ABCi); dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong.

Suntik semangat ASEAN-ness dalam kalangan pelajar

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Alishahrin Haji Mumin



SERAMAI 218 pelajar Tahun 7 dan Tahun 8 Sekolah Menengah Sayyidina Ali menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan (atas). Sementara gambar kiri, penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran sekolah berkenaan.

BELAIT, Khamis, 30 April. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas

berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Sayyidina Ali bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Turut hadir pada taklimat berkenaan, Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Hajah Jumimah binti Haji Jumat; dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal

Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada 218 pelajar Tahun 7 dan Tahun 8.

Taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One

Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berpeluang menyertai sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan

(ASEAN-ness) dalam kalangan para pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

UBD KOMITED KETENGAHKAN BAKAT KREATIF PELAJAR



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menyediakan platform untuk pelajar baharu, dalam pembuatan filem untuk meneroka hala tuju kreatif baharu, kerana penceritaan terus berkembang seiring dengan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI).

Diadakan di Pusat Kesenian Pro Canselor UBD, program tersebut menampilkan 31 filem pendek merentasi pelbagai genre,

termasuk Animasi, Dokumentari, Fiksiyen dan Muzik Video.

Buat pertama kalinya, ia memperkenalkan kategori khusus untuk filem yang dijana AI, menonjolkan cara alat digital mula membentuk semula proses kreatif.

Dihasilkan oleh pelajar dari UBD dan Politeknik Brunei (PB), filem-filem tersebut meneroka pelbagai tema dan gaya, mencerminkan kedua-dua perkembangan teknikal dan ekspresi peribadi.



Daripada naratif yang didorong secara visual kepada format eksperimen, karya tersebut menunjukkan cara pencipta muda menolok sempadan penceritaan.

Salah satu sorotan utama ialah kemasukan filem pendek yang dijana AI, menandakan penerokaan awal tentang cara teknologi boleh digunakan bukan sahaja sebagai alat, tetapi sebagai sebahagian daripada proses kreatif itu sendiri.

Pameran tersebut mencerminkan peralihan yang

semakin meningkat dalam landskap media, di mana teknik pembikinan filem tradisional semakin terperinci dengan keupayaan digital yang muncul.

Sebagai sebahagian daripada program tersebut, pelajar menerima maklum balas langsung daripada pengamal industri, termasuk Penerbit Filem Regalblue Production, Dayang Nurain Abdullah dan Penerbit Kanan dan Ketua Unit Drama TV Radio Television Brunei (RTB), Pengiran Amali Haji Roslin.

DIADAKAN di Pusat Kesenian Pro Canselor UBD, program tersebut menampilkan 31 filem pendek merentasi pelbagai genre, termasuk Animasi, Dokumentari, Fiksiyen dan Muzik Video (kiri sekali dan kiri).

Cerapan mereka tertumpu pada pengukuhan aspek utama seperti reka bentuk bunyi dan sari kata, kedua-duanya penting untuk menjangkau khalayak yang lebih luas dan memenuhi piawaian industri.

Selanjutnya, inisiatif ini mencerminkan komitmen UBD untuk memupuk bakat masa hadapan dengan menyediakan peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri dengan amalan kreatif dan teknologi yang berkembang.

Ia juga berfungsi sebagai laluan untuk pembangunan selanjutnya, dengan karya terpilih dijangka maju ke Festival Filem Pendek UBD PRISM akan datang akhir tahun ini.

Dengan menghimpunkan pencipta pelajar, perspektif industri dan pendekatan digital baharu, program ini menyerlahkan cara UBD terus menyokong pencerita generasi akan datang dalam membentuk landskap kreatif yang berubah dengan pantas.

Harapan untuk terus memperbaiki, memperindahkannya mutu bacaan Al-Quran

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Awangku Adi Nazri
Pengiran Haji Jofri, Dayangku Siti
Ummi Syazana Pengiran Haji
Marjuki



AWANGKU Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri selaku johan qari bersama ahli keluarga semasa bergambar ramai.

BERAKAS, Jumaat, 1 Mei. - Johan qari dan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi masing-masing menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala setelah dinobatkan menjadi johan bagi pertandingan tersebut.

"Alhamdulillah, saya berasa sangat bersyukur dan gembira atas rezeki yang dikurniakan pada tahun ini. Kemenangan ini memberi semangat untuk terus memperbaiki dan memperindahkannya lagi mutu bacaan saya pada masa akan datang," ujar johan qari, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri semasa ditemu bual bersama

Pelita Brunei.

Menurutnya, setiap kali menyertai pertandingan, beliau akan membuat persiapan beberapa bulan lebih awal dengan latihan secara konsisten dua kali seminggu.

Tambahnya lagi, tujuannya adalah untuk memastikan bacaan sentiasa tepat dari segi tajwid, lancar dan konsisten dari awal hingga akhir persembahan.

Di samping itu, katanya, beliau turut memberi fokus kepada pemahaman dan penguasaan lagu-lagu taranum kerana setiap peserta biasanya diberikan lagu wajib. Oleh itu, latihan tersebut adalah penting bagi memastikan perpindahan dari satu lagu ke lagu yang lain dapat dilakukan dengan

lebih teratur, harmoni dan tidak terganggu semasa bacaan.

Menyentuh mengenai cabaran yang dihadapi, beliau menjelaskan bahawa antara cabaran yang saya hadapi semasa membuat persiapan sebelum hari pertandingan ialah dari segi kesihatan, sama ada suara, fizikal, mahupun mental.

"Selain itu, saya juga perlu memastikan bacaan sentiasa konsisten dari segi tajwid, taranum, dan kelancaran sepanjang tempoh persiapan hingga hari pertandingan. Untuk mengatasinya, saya berlatih dua kali seminggu, mengulang semula bacaan, serta mendapatkan bimbingan daripada guru bagi memperbaiki setiap aspek bacaan," ujarnya lagi.

Harapan beliau dalam Musabaqah Membaca Al-Quran pada masa akan datang adalah untuk terus memperbaiki dan memperindahkannya mutu bacaan dari segala aspek penghakiman, agar dapat mencapai kejayaan bukan sahaja di peringkat kebangsaan, bahkan di peringkat antarabangsa.

Dalam kesempatan ini, beliau ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beliau menaruh harapan akan terus mencapai kejayaan dalam musabaqah membaca Al-Quran sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Sementara itu, johan qariah musabaqah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki pula menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas rezeki kemenangan johan

musabaqah pada tahun ini.

"Ia satu penghargaan kepada doa, usaha dan latihan yang berterusan dan merupakan doa dan sokongan daripada keluarga, guru serta rakan. Semoga kejayaan ini menjadi dorongan dan semangat untuk terus memperbaiki kualiti pembacaan Al-Quran pada masa akan datang," ujarnya lagi.

"Persiapan saya sebenarnya bermula pada tahun lepas iaitu selepas berakhirnya Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 2025," jelas beliau ketika menyentuh mengenai persiapan yang telah dibuat sebelum musabaqah berlangsung.

"Bermakna persiapan itu lebih awal kerana ia memerlukan latihan bacaan, suara, mental dan fizikal yang berterusan. Berguru kepada guru-guru yang berpengalaman dan berkemahiran.

"Latihan atau Tasmie' bersama guru-guru dilakukan dua atau tiga kali dalam seminggu dan dalam masa yang sama membuat latihan secara bersendirian setiap hari kerana konsisten itu amat penting dalam memastikan bacaan kita terus terjaga," ujar beliau menjelaskan lagi.

Dalam masa yang sama tambahnya, beliau juga menitikberatkan dalam penguasaan lagu-lagu taranum kerana lagu wajib akan diberikan kepada setiap peserta qari dan qariah.

Di samping itu, katanya, beliau juga memastikan untuk sentiasa bersenam untuk kesihatan mental dan fizikal sayu dalam memastikan keadaan saya sentiasa berada pada tahap optimum tidak kira semasa bertanding atau latihan.

Selain itu, persiapan untuk menghadapi musabaqah tersebut bermula pada tahun lepas dan dari



JOHAN qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki.

situ, katanya lagi, latihan daripada bacaan, fizikal dan mental telah dilakukan secara konsisten tanpa henti.

Menyentuh mengenai harapan beliau dalam Musabaqah membaca Al-Quran ialah untuk terus memperbaiki mutu bacaan, tajwid dan kefahaman agar pembacaan lebih sempurna, kekal konsisten dalam latihan sambil menjaga kesihatan mental dan fizikal.

Seterusnya, sentiasa berdoa agar niat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala terpelihara dalam setiap pertandingan serta menggalakkan penyertaan generasi muda tempatan dalam musabaqah.

Dalam kesempatan ini, beliau merafak sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan atas sokongan dan bimbingan berterusan dalam memartabatkan Al-Quran.

Pengiktirafan menjadi pemangkin semangat untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik

PENGANUGERAHAN pingat kebesaran merupakan satu bentuk pengiktirafan tertinggi terhadap individu yang telah menunjukkan komitmen, dedikasi serta kecemerlangan dalam melaksanakan amanah dan

tanggungjawab yang dipikul. Anugerah tersebut bukan sahaja melambangkan penghargaan atas jasa dan bakti yang dicurahkan, malah menjadi pemangkin semangat untuk terus berkhidmat dengan penuh integriti dan bertanggungjawab.

Dalam temu bual ini, penerima pingat berkongsi perasaan syukur serta pandangan mengenai makna sebenar pengiktirafan yang diterima. Selain itu, mereka juga turut menitipkan harapan dan nasihat kepada generasi muda dan

Rencana dan Foto :
Nurul Rasyidah Mohamad Roslan
rakan sekerja agar sentiasa berusaha, berdisiplin serta menanam nilai keikhlasan dalam setiap tugas demi kemajuan agama, bangsa dan negara.



Pengiran Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad, Pemberita di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengurniaan pingat tersebut. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas penganugerahan ini serta sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh semua pihak. Saya berharap pengiktirafan ini akan menjadi pemangkin dan dorongan untuk saya terus meningkatkan mutu kerja serta menyumbang dengan lebih berkesan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Pada masa yang sama, saya ingin menasihatkan generasi muda dan rakan sekerja agar sentiasa berdisiplin, ikhlas dalam menjalankan tugas, serta tidak jemu menambah ilmu dan kemahiran demi mencapai kecemerlangan. Dalam melaksanakan amanah, saya sentiasa berpegang kepada prinsip integriti, amanah dan komitmen yang tinggi dalam setiap tugas. Bagi memastikan mutu kerja sentiasa berada pada tahap terbaik, saya mengamalkan perancangan yang rapi, memberi perhatian kepada setiap perincian, serta sentiasa menilai dan menambah baik hasil kerja dari semasa ke semasa. Sepanjang menjalankan tugas, antara cabaran yang dihadapi ialah mengurus tekanan dan kekangan masa, namun pengalaman tersebut banyak mengajar saya untuk menjadi lebih cekal, matang dan bijak dalam mengutamakan tugas".

Haji Saiful Bahrin bin Haji Mohd. Yusof, Juruteknik Pemeliharaan Studio to Transmitter Links (STL) di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri

"Alhamdulillah, hamba Kebawah Duli Tuan Patik merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas penganugerahan pingat ini, yang menjadi pendorong untuk hamba Kebawah Duli Tuan Patik terus berkhidmat dengan lebih dedikasi dan amanah. Harapan hamba Kebawah Duli Tuan Patik agar dapat meningkatkan lagi mutu kerja serta memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada jabatan dan negara. Kepada generasi muda dan rakan sekerja, sentiasalah berusaha dengan ikhlas, berdisiplin dan tidak mudah berputus asa dalam mencapai kecemerlangan. Prinsip saya adalah kejujuran, tanggungjawab dan komitmen tinggi dalam setiap tugas. Bagi memastikan mutu kerja terbaik, saya sentiasa menitikberatkan ketelitian, pematuan prosedur serta pembelajaran berterusan. Antara detik mencabar adalah ketika menangani gangguan teknikal secara segera, yang menuntut ketenangan, kepakaran dan kerjasama berpasukan demi memastikan operasi berjalan lancar tanpa sebarang gangguan".



Hajah Nor Ramizah binti Haji Lakat, Kerani di Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

"Pertama sekali, saya melahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) ini. Pengiktirafan ini akan menjadi pembakar semangat untuk saya terus meningkatkan mutu kerja dengan lebih efisien, berkomitmen tinggi serta sentiasa mengekalkan disiplin dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan. Nasihat saya kepada diri sendiri dan juga rakan sekerja ialah agar sentiasa melaksanakan tugas dengan lebih sempurna. Saya sentiasa berpegang kepada prinsip untuk berusaha menanai tugas yang diberikan dan sentiasa merujuk kepada mereka yang lebih berpengalaman, tidak kira yang tua atau muda dari saya kerana setiap seorang pasti mempunyai kelebihan dan saya juga sentiasa berusaha untuk menyempurnakan setiap tugas agar hasil yang diterima sentiasa ada berkahnya. Sepanjang hampir 19 tahun berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, pelbagai cabaran telah saya tempuhi, khususnya dalam menyantuni warga Perkhidmatan Awam di jabatan saya, lebih-lebih lagi dalam era teknologi masa kini yang serba pantas dan mencabar. Namun begitu, Alhamdulillah, dengan sokongan, tunjuk ajar dan kerjasama rakan sekerja, segala cabaran dapat dihadapi dan diselesaikan dengan baik, teratur dan sempurna".

Muhammad Runy bin Metali, Penjaga Kubah Makam Diraja di Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama

"Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengurniaan P.I.K.B. pada tahun ini. Saya berharap pengiktirafan ini akan menjadi pendorong untuk saya terus berkhidmat dengan lebih baik, telus dan penuh dedikasi. Nasihat saya kepada rakan sekerja serta generasi muda ialah agar sentiasa berusaha meningkatkan kualiti kerja demi mencapai kecemerlangan dalam tugas. Dalam melaksanakan tanggungjawab harian, saya sentiasa berpegang kepada prinsip bertanggungjawab, amanah dan taat dalam menjalankan setiap tugas yang diamanahkan. Bagi memastikan mutu kerja sentiasa berada pada tahap terbaik, saya sentiasa menitikberatkan disiplin diri termasuk hadir dan pulang tepat pada waktu bertugas. Antara pengalaman yang paling bermakna sepanjang menjalankan tugas ialah berpeluang bersua dengan kerabat diraja semasa berziarah ke Kubah Makam Diraja".





Norhanim binti Haji Tundak, Penolong Pegawai Kewangan Tingkat II di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

"Saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih atas penganugerahan pingat ini. Saya berharap anugerah yang diterima akan menjadi pemangkin untuk saya terus meningkatkan prestasi kerja dan memberikan sumbangan yang lebih bermakna kepada organisasi serta negara. Pada masa yang sama, saya turut berharap generasi muda dan rakan sekerja dapat terus berusaha untuk sentiasa berdisiplin, berintegriti dan komited dalam setiap tugas demi mencapai kecemerlangan. Dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, saya sentiasa berpegang kepada prinsip amanah, tanggungjawab dan keikhlasan dalam bekerja. Bagi memastikan mutu kerja sentiasa berada pada tahap terbaik, saya menitikberatkan ketelitian serta kerjasama berpasukan. Sepanjang menjalankan tugas, antara cabaran utama yang dihadapi ialah mengurus tekanan kerja dalam tempoh yang singkat, yang banyak mengajar saya untuk menjadi lebih cekal dan berdaya tahan".

Muhammad Iqbal Yusuf, Penyelia Pejabat di Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri

"Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan P.I.K.B. ini. Dengan pengurniaan ini, sedikit sebanyak akan dapat menyuntik semangat pada diri saya serta menjadikan inspirasi bagi rakan-rakan sejawat lainnya. Selain daripada lebih proaktif, diharap generasi muda mahupun rakan sekerja akan dapat membina hubungan positif dan suasana kerja yang harmoni. Rukun akhlak dan etika kerja yang menggariskan 11 ciri utama untuk membentuk budaya kerja berintegriti, profesional, dan cemerlang adalah prinsip yang harus diterapkan setiap masa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan. Pengurusan masa serta penambahbaikan yang berterusan hendaklah sentiasa diambil kira bagi memastikan mutu kerja sentiasa berada pada tahap baik".



Hajah Aionon binti Begawan Mudim Haji Metusin, Pembantu Penjual di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei

"Saya amat bersyukur dan berbesar hati atas pengurniaan P.I.K.B. ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengiktirafan yang amat bermakna ini. Saya berharap anugerah ini akan menjadi pembakar semangat untuk saya terus berkhidmat dengan penuh keikhlasan dan dedikasi. Nasihat saya kepada generasi muda dan rakan sekerja ialah agar jangan mudah berputus asa apabila berdepan dengan cabaran kerana setiap kesusahan merupakan jalan menuju kejayaan. Di samping itu, sentiasalah berdoa agar segala urusan dipermudahkan dan diberikan kekuatan dalam melaksanakan tanggungjawab. Dalam menjalankan tugas, saya sentiasa berpegang kepada nilai sabar, berusaha bersungguh-sungguh serta melaksanakan setiap amanah dengan ikhlas. Kerjasama yang baik juga amat penting bagi memastikan setiap tugas dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Bagi memastikan mutu kerja sentiasa berada pada tahap terbaik, saya sentiasa memberikan tumpuan penuh, teliti dalam setiap tugas serta berusaha memperbaiki segala kelemahan dari semasa ke semasa. Antara pengalaman paling mencabar sepanjang menjalankan tugas ialah apabila berdepan dengan tugas yang perlu disiapkan dalam tempoh yang singkat. Walaupun tekanan yang dihadapi amat mencabar, pengalaman tersebut banyak mengajar saya erti kesabaran, ketenangan dan ketabahan dalam melaksanakan amanah yang diberikan".



Qairunnisa binti Haji Jalil, Ketua Pengarang di Pusat Da'wah Islamiah

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas pengurniaan P.I.K.B. ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pihak jabatan serta rakan-rakan sekerja atas sokongan, bimbingan dan kepercayaan yang diberikan sepanjang saya menjalankan tugas. Pengiktirafan ini merupakan hasil usaha bersama serta dorongan berterusan daripada semua pihak. Saya berharap pengurniaan pingat ini menjadi sumber inspirasi untuk saya terus meningkatkan kualiti kerja dan menyempurnakan amanah dengan lebih baik. InsyaaAllah, saya akan terus berkhidmat dan menyumbang dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab demi agama, bangsa dan negara. Sepanjang menjalankan tugas, cabaran utama yang dihadapi adalah mengendalikan beban kerja yang tinggi secara berkesan. Namun, pengalaman tersebut banyak mengajar saya tentang kepentingan pengurusan masa, kerja berpasukan dan sikap positif dalam menerima teguran serta penambahbaikan. Saya percaya proses pembelajaran tidak pernah berakhir, dan setiap cabaran adalah peluang untuk terus memperbaiki diri dan memberikan yang terbaik".



Pengiran Haji Shahibol Esham bin Pengiran Khamis, Pegawai Melesen di Jabatan Daerah Brunei dan Muara

"Merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penganugerahan ini. Harapan saya agar selepas ini akan sentiasa bermuhasabah dan memperbaiki diri ke arah yang lebih baik, di samping melihat setiap tugas sebagai peluang untuk meningkatkan keupayaan serta potensi diri. Kepada generasi muda, adab, ilmu, usaha dan pengalaman hendaklah bergerak seiring dalam mencapai kecemerlangan. Integriti, pemikiran yang positif serta keupayaan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan juga amat penting. Selain itu, sentiasa konsisten, berani mencuba dan menerokai perkara baharu selaras dengan perkembangan teknologi semasa, khususnya ketika berhadapan dengan masyarakat dalam memberikan kesedaran mengenai akta dan undang-undang di negara ini".



TAKLIMAT TINGKATKAN KESEDARAN TENTANG PENIPUAN DALAM TALIAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



SUASANA pada taklimat berkenaan yang diadakan di Ibu Pejabat Baiduri Bank, One Riverside, Gadong (atas dan kanan).

GADONG, Rabu, 29 April. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan taklimat mengenai penipuan dalam talian kepada kakitangan Bank Baiduri di Ibu Pejabat Baiduri Bank, One Riverside, Gadong, pada petang Sabtu.

Taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' itu disampaikan oleh Ketua Inspektor, Awang Adinin bin Haji Ahmad dan dihadiri oleh Penguasa Kanan Polis, Awang Haji Mohamad Khairul Amilin bin Haji Idris, Ketua BSJS, bersama

Penguasa Polis, Gina See Yok Gan, Penolong Ketua BSJS serta Head of Group Risk Bank Baiduri, Jonathan Lim, dan seramai 51 orang kakitangan bank.

Melalui taklimat tersebut, kakitangan bank diseru untuk sentiasa mempertingkatkan kewaspadaan dan mematuhi prosedur keselamatan dalaman dalam mengendalikan urusan kewangan dan maklumat pelanggan, termasuk peka terhadap percubaan pencerobohan sistem, e-mel palsu (*phishing*) serta pembuatan transaksi yang mencurigakan.



PPDB menekankan bahawa kerjasama berterusan antara institusi kewangan dan agensi penguatkuasaan adalah penting bagi melindungi sistem perbankan dan kepentingan pelanggan daripada ancaman jenayah siber.

Orang ramai boleh melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan melalui talian kecemasan 993.

ANTARA yang menyampaikan pembentangnya pada taklimat tersebut.



Wanita warga asing ditahan atas kegiatan tidak bermoral

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 29 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), telah menahan seorang perempuan warga asing berumur 36 tahun dalam satu operasi serbuan ke atas sebuah hotel di kawasan Gadong pada malam Isnin.

Suspek ditahan di dalam sebuah bilik hotel berkenaan, disyaki terlibat dalam kegiatan pelacuran.

Antara barang bukti yang turut dirampas ialah wang tunai, sarung getah, gel / bahan pelincir, dua buah telefon bimbit serta sebuah buku catatan yang dipercayai berkaitan dengan kegiatan tersebut.

Suspek bersama barang bukti telah dibawa ke JSJ untuk siasatan lanjut. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 294A, Kanun Hukuman Jenayah (Penggala 22).

PPDB akan terus mempergiatkan operasi bagi membanteras kegiatan yang menyalahi undang-undang, dan menyeru orang ramai agar melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan melalui Talian Kecemasan Polis 993.



SEORANG perempuan warga asing berumur 36 tahun ditahan dalam satu operasi serbuan ke atas sebuah hotel di kawasan Gadong.

Padah membuang sampah di tempat awam

Siaran Akhbar dan Foto : Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 April. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan telah mengeluarkan dua tawaran kompaun iaitu atas seorang individu dan sebuah syarikat.

Tindakan diambil setelah pihak jabatan menerima aduan mengenai pembuangan sampah di Kawasan Letak Kereta Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan CC1.

Manakala sebuah syarikat

didapati melonggokkan sisa bahan binaan di kawasan tanah lapang semasa rondaan rutin dijalankan di kawasan Kampung Masin.

Individu tersebut ialah Mohammad Nur Fakhruddin Arrazi bin Tahier kena kompaun sebanyak BND100 dan syarikat tersebut ialah Sai Surya Sdn. Bhd. kena kompaun sebanyak BND1,000.

Individu dan syarikat-syarikat tersebut diarahkan untuk membayar denda kompaun dalam masa 7 hari.

Jika gagal, kes akan dibawa ke

mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggala 30) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 bagi individu manakala tidak melebihi BND30,000 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak jabatan juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp +673 8321581.



SEBUAH syarikat didapati melonggokkan sisa bahan binaan di kawasan tanah lapang di kawasan Kampung Masin, syarikat tersebut dikenakan kompaun sebanyak BND1,000.



15 MAUT DALAM KEMALANGAN JALAN RAYA DI REPUBLIK INDIA TENGAH

HYDERABAD, 30 April. - Sekurang-kurangnya 15 orang terbunuh dalam nahas jalan raya di negeri tengah Republik India, Madhya Pradesh

pada petang Rabu. Kemalangan itu berlaku di daerah Dhar, kira-kira 250

kilometer dari ibu negeri Bhopal. Mangsa, termasuk wanita dan kanak-kanak, menaiki sebuah

van pikap yang terbalik di Lebuhraya Nasional Indore-Ahmedabad, lapor media tempatan.

Lima belas dilaporkan maut

dan kira-kira 20 cedera. Mereka yang cedera dibawa ke hospital daerah Dhar, dengan ramai yang mengalami kecederaan serius.

- ©BERNAMA

Kebakaran hutan di timur Belanda masih tidak terkawal

THE HAGUE, 30 April. - Kebakaran hutan yang tercetus pada pagi Rabu berhampiran perkampungan 't Harde di wilayah Gelderland di Belanda masih di luar kawalan, menurut media tempatan, lapor Xinhua.

Menurut penyiar awam Belanda NOS, kebakaran merebak di kawasan seluas kira-kira 2,200 meter di kem latihan tentera di timur Belanda dan tidak menunjukkan tanda-tanda berkurangan setakat tujuh malam waktu tempatan

(1800 GMT).

Edwin Kok, penyelarar negara Pengurusan Kebakaran Hutandi Institut Keselamatan Awam Belanda, menyifatkan kejadian itu sebagai 'kebakaran yang sangat besar'.

Dutch nu.nl melaporkan tentera udara Belanda telah mengerahkan beberapa helikopter untuk membantu memadamkan kebakaran.

Kira-kira 400 anggota bomba sedang berusaha untuk mengawal kebakaran.

Punca kebakaran masih belum

diketahui dan tiada kecederaan dilaporkan setakat ini.

NOS juga melaporkan pihak berkuasa telah memberi amaran tentang peningkatan risiko kebakaran hutan dalam tempoh akan datang disebabkan keadaan kemarau yang berterusan.

Beberapa kebakaran hutan dilaporkan di seluruh negara minggu lepas sekali gus menimbulkan kebimbangan mengenai peningkatan berterusan insiden seperti itu. - ©BERNAMA

Republik Indonesia perkukuh pendidikan, fokus naik taraf sekolah

JAKARTA, 29 April. - Republik Indonesia akan membuat pelaburan besar dalam sektor pendidikan dengan memberi tumpuan kepada usaha menaik taraf kemudahan pembelajaran dan mempercepat baik pulih sekolah di seluruh negara, dengan sasaran menambah baik kira-kira 288,000 sekolah menjelang 2028.

Presiden Prabowo Subianto berkata kerajaan komited menjadikan pendidikan sebagai asas pembangunan negara, termasuk menambah baik prasarana pengajaran dan memperluas akses kepada pembelajaran berkualiti.

"Pendidikan ialah kunci kebangkitan negara kita. Saya akan memberikan perhatian penuh dan melabur secara besar-besaran dalam pendidikan demi masa depan negara. Setiap kanak-kanak Indonesia mesti diberikan pendidikan terbaik," katanya dalam satu program di Jawa Tengah, menurut Agensi Berita Antara pada Rabu.

Prabowo berkata kerajaan sudah mula mempergiat usaha itu dengan penambahbaikan dilaksanakan di 17,000 sekolah pada 2025, manakala 70,000 sekolah dijadual menjalani kerja baik pulih menjelang akhir tahun ini.

"Kami menyasarkan kira-kira 288,000 sekolah disiapkan menjelang 2028," kata beliau, sambil menambah kerja naik taraf seterusnya dirancang membabitkan 100,000 sekolah pada 2027 dan 2028.

Prabowo berkata selain penambahbaikan fizikal, kerajaan merancang melengkapkan bilik darjah dengan skrin digital atau papan pintar bagi menyokong kaedah pengajaran yang lebih interaktif.

"Ketika ini, setiap sekolah hanya mempunyai satu unit, manakala sebahagiannya mempunyai dua. Ini bermakna kita masih perlu menambah kira-kira tiga hingga empat unit lagi bagi setiap sekolah. Tahun ini, kami berusaha menambah tiga

unit lagi di seluruh Indonesia," katanya.

Beliau menjelaskan inisiatif itu dijangka meningkatkan akses kepada sukatan pelajaran secara digital, sekali gus memudahkan guru dan pelajar mengulang kaji pelajaran.

Prabowo berkata kerajaan juga merancang menubuhkan studio pengajaran pusat di Jakarta bagi membolehkan pendidik terbaik, termasuk penutur asli, menyampaikan pengajaran secara jarak jauh.

"Kita akan mempunyai studio pusat di Jakarta dengan guru terbaik. Sebagai contoh, bagi bahasa Inggeris, kita akan membawa masuk penutur asli yang boleh mengajar semua orang yang memerlukan." "Begitu juga bagi bahasa Mandarin. Kita mahu murid sekolah mampu bertutur dalam bahasa Inggeris, Mandarin dan beberapa bahasa asing lain, bermula dari sekolah rendah," kata beliau. - ©BERNAMA

Juruterbang maut dalam nahas pesawat ringan di Utara Jerman

BERLIN, 29 April. - Seorang juruterbang maut selepas pesawat ringan yang dikendalikananya terhempas sejurus selepas berlepas di daerah Oldenburg, utara Jerman, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pesawat malang itu terhempas di kawasan lapang berhampiran lapangan terbang Hatten pada petang Selasa. Punca nahas belum

diketahui. Polis dan Biro Persekutuan Siasatan Nahas Pesawat Jerman sedang menyiasat kejadian itu.

Pesawat berkenaan musnah dalam nahas terbabit, manakala anggota bomba memadamkan kebakaran yang berlaku selepas terhempas. Menurut polis, juruterbang berusia kira-kira 71 tahun itu dipercayai dalam

penerbangan pulang ke Switzerland, tempat beliau menetap.

Sistem payung terjun kecemasan pesawat itu tidak digunakan, manakala cas pengaktifannya kemudian diletupkan dengan selamat oleh pakar polis persekutuan. Kira-kira 50 anggota penyelamat dikerah ke lokasi kejadian. - ©BERNAMA

Suruhanjaya Eropah dapati Meta langgar peraturan berkaitan keselamatan kanak-kanak

ISTANBUL, 29 April. - Suruhanjaya Eropah mendapati Meta Platforms melanggar Akta Perkhidmatan Digital (DSA) pada peringkat awal siasatan kerana gagal menghalang kanak-kanak di bawah umur 13 tahun daripada mengakses Instagram dan Facebook, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam satu kenyataan, suruhanjaya itu menyatakan yang Meta tidak mengambil langkah mencukupi untuk "mengetahui pasti, menilai dan mengurangkan" risiko yang berkaitan dengan penggunaan platformnya oleh golongan bawah umur, walaupun peraturannya sendiri menetapkan umur minimum 13 tahun.

Badan eksekutif EU itu menegaskan yang langkah perlindungan sedia ada tidak berkesan, dengan menyatakan yang kanak-kanak boleh dengan mudah melanggar sekatan umur dengan memasukkan tarikh lahir palsu tanpa pengesahan yang sewajarnya.

Ia juga mengkritik alat pelaporan Meta, dengan menyatakan ia "sukar digunakan" dan gagal memastikan tindakan susulan apabila pengguna bawah umur dikenal pasti.

Suruhanjaya itu turut menyatakan yang penilaian risiko Meta adalah "tidak lengkap dan bersifat sewenang-wenangnya", serta meremehkan skala isu itu walaupun terdapat bukti yang kira-kira 10 hingga 12 peratus kanak-kanak di bawah 13 tahun di EU mengakses Instagram atau Facebook.

Suruhanjaya itu mahu Meta menyemak semula metodologi penilaian risikonya dan memperkukuh langkah untuk mencegah, mengesan dan menyingkirkan pengguna bawah umur, sambil memastikan "tahap privasi, keselamatan dan perlindungan yang tinggi" untuk kanak-kanak.

Meta kini boleh memberi maklum balas terhadap dapatan awal itu dan mencadangkan langkah pembetulan.

Jika disahkan, suruhanjaya itu boleh mengeluarkan keputusan ketidakpatuhan dan mengenakan denda sehingga enam peratus daripada jumlah perolehan tahunan global syarikat.

Dapatan ini sebahagian siasatan berterusan yang dilancarkan pada Mei 2024 dan tidak menentukan keputusan muktamad. - ©BERNAMA

Kes lama 20 tahun di Perancis selesai, suspek ditahan

PARIS, 29 April. - Selepas lebih 20 tahun, seorang wanita yang ditemukannya mati di Perancis akhirnya dikenal pasti dan seorang suspek ditahan, kata Interpol pada Selasa, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Interpol, organisasi polis terbesar di dunia membantu menyelesaikan kes lama itu menerusi kempen "Identify Me". Mayat wanita berkenaan ditemukan pada awal 2005 di dalam sebuah tong air hujan di kampung Saint-Quirin, Perancis beberapa puluh kilometer dari sempadan Jerman.

Mayat itu ditemukan dalam keadaan dikerat, dimasukkan ke dalam beg sampah dan diikat dengan tali. Selama lebih dua dekad, identiti wanita itu tidak diketahui.

Kes berkenaan kemudian dimasukkan dalam kempen "Identify Me" Interpol, yang meminta bantuan orang ramai untuk mengenal pasti lebih 40 wanita tidak dikenali yang ditemukan di seluruh Eropah.

Interpol berkata identiti wanita itu kini berjaya dikenal pasti dan buat kali pertama sejak kempen berkenaan dilancarkan, seorang suspek turut ditahan. Polis Jerman, Belgium, Belanda, Itali, Perancis dan Sepanyol turut menyertai kempen "Identify Me".

Menurut Interpol, kebanyakan wanita yang cuba dikenal pasti menerusi kempen itu dipercayai dibunuh atau meninggal dunia dalam keadaan mencurigakan atau tidak dapat dijelaskan. Sembilan daripada wanita itu ditemukan di Jerman.

Di laman sesawang itu, Interpol menerbitkan lakaran semula wajah serta gambar barang kemas dan pakaian yang ditemukan bersama mangsa bagi membantu proses pengecaman.

Setakat ini, pihak berkuasa berjaya mengenal pasti lima mayat, manakala bagi kes lain yang masih belum selesai, Interpol terus meminta orang ramai menyalurkan maklumat. - ©BERNAMA

EKONOMI KEMBOJA DIUNJURKAN PERLAHAN KEPADA 4.3 PERATUS PADA 2026



SEBUAH trak kren mengangkat sebuah kontena di Pelabuhan Kering Hong Leng Huor di pinggir bandar barat Phnom Penh, Kemboja.

PHNOM PENH, 1 Mei. - Pertumbuhan ekonomi Kemboja diunjurkan perlahan kepada 4.3 peratus pada 2026 daripada 5.3 peratus pada tahun sebelumnya,

pada hari Khamis.

Ketua ekonomi AMRO, Jinho Choi, berkata untuk menguruskan ketidakpastian yang meningkat dan kejutan berulang, dasar proaktif dan pelaksanaan yang berkesan adalah penting, termasuk sokongan fiskal yang disasarkan kepada isi rumah dan firma yang terdedah yang terjejas oleh kejutan tenaga dan konflik sempadan.

"Walaupun terdapat ketidakpastian yang meningkat sekitar tarif timbal balik AS, ekonomi Kemboja berkembang dengan stabil pada 2025, disokong oleh eksport pakaian yang kukuh, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang stabil dan tindak balas dasar yang pantas," katanya. "Melihat ke hadapan, sokongan dasar proaktif dan disasarkan, bersama-sama dengan pembaharuan struktur, akan menjadi penting untuk mengekalkan pertumbuhan jangka sederhana."

Inflasi purata 2.5 peratus pada tahun 2025 tetapi dijangka

meningkat kepada 3.9 peratus pada tahun 2026 disebabkan oleh harga minyak global yang lebih tinggi, kata siaran akhbar itu.

Akaun semasa beralih kepada defisit 3.6 peratus daripada KDNK pada tahun 2025 dan diunjurkan akan melebar lagi kepada 8.5 peratus daripada KDNK pada tahun 2026, mencerminkan import tenaga yang lebih tinggi, penerimaan pelancongan yang lebih lemah, dan penurunan mendadak dalam kiriman wang berikutan kepulungan pekerja migran dari Thailand, katanya, sambil menambah bahawa, sementara itu, aliran masuk FDI kekal berdaya tahan.

Harga minyak yang tinggi kekal sebagai risiko luaran yang paling ketara, kata siaran akhbar itu, sambil menambah bahawa pertumbuhan yang lebih perlahan dalam rakan dagang utama, didorong oleh limpahan daripada konflik Timur Tengah atau perlindungan perdagangan yang diperbaharui, boleh melemahkan lagi eksport dan pelaburan.

Kelemahan sektor perbankan telah meningkat di tengah-tengah peningkatan pinjaman tidak berbayar dan pembubaran bank baru-baru ini, kata siaran akhbar itu. - ©XINHUA

Hanoi, Ho Chi Minh City antara 100 bandar paling sesuai diterokai dengan berjalan kaki

HANOI, 1 Mei. - Hanoi dan Ho Chi Minh City disenaraikan antara 100 bandar paling menarik di dunia untuk diterokai dengan berjalan kaki pada 2026, menurut penarafan yang dikeluarkan baru-baru ini oleh platform pelancongan GuruWalk, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Senarai itu turut menampilkan Hoi An di Da Nang, sekali gus menyerlahkan daya tarikan Republik Sosialis Viet Nam yang semakin meningkat sebagai destinasi pengalaman pelancongan berjalan kaki yang mengasyikkan.

Kedudukan itu menilai destinasi berdasarkan kesesuaian untuk berjalan kaki, kepadatan tarikan, kemudahan dan pengalaman keseluruhan pengunjung yang gemar meneroka bandar dengan berjalan kaki.

Hanoi dan Ho Chi Minh City diiktiraf kerana ciri bandar yang tersendiri, lokasi mercu tanda yang berdekatan serta suasana jalanan yang meriah.

Senarai tahun ini masih didominasi bandar terkenal di Eropah, dengan Rom menduduki tempat pertama.

Ibu negara Republik Itali itu menonjol kerana tumpuan tapak warisannya yang tinggi seperti Colosseum, Trevi Fountain dan Pantheon, yang semuanya mudah diterokai dalam satu laluan berjalan kaki.

Ia diikuti Madrid, Budapest dan Prague, yang terkenal dengan pusat bandar yang padat serta susun atur mesra pejalan kaki.

Selain Eropah, senarai itu turut merangkumi bandar utama di Asia dan benua Amerika seperti Tokyo, Kyoto dan New York City.

Kehadiran Hanoi dan Ho Chi Minh City dalam senarai berkenaan menyerlahkan peningkatan daya tarikan destinasi bandar Asia Tenggara dalam peta pelancongan global.

Pakar berkata kekuatan Hanoi terletak pada Old Quarter, dengan rangkaian jalan sempit yang padat, tapak budaya dan ruang tradisional yang sesuai untuk berjalan santai sambil meneroka bandar.

Sementara itu, Ho Chi Minh City menarik pengunjung dengan rentak kotanya yang dinamik, gabungan seni bina bersejarah dan moden serta budaya makanan jalanan yang kaya.

Penyenggaraan dua bandar terbesar Republik Sosialis Viet Nam itu bukan sahaja mencerminkan potensi pelancongan bandar berkenaan, malah menonjolkan perubahan lebih luas ke arah trend pelancongan mampan yang mengutamakan perjalanan lebih perlahan, mesra alam dan berasaskan pengalaman.

Senarai GuruWalk dianggap sebagai rujukan berguna kepada pelancong antarabangsa, khususnya mereka yang mahu mengenali budaya tempatan melalui aktiviti berjalan kaki, iaitu pendekatan yang lebih menjimatkan kos dan memberi pemahaman lebih mendalam tentang kehidupan harian. - ©BERNAMA

Gempa bumi bermagnitud 5.1 landa Nevada, AS - GFZ

BEIJING, 1 Mei. - Satu gempa bumi dengan magnitud 5.1 melanda negeri Nevada di Amerika Syarikat (AS) pada 0817 GMT Jumaat, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman (GFZ), lapor Xinhua.

Pusat gempa dengan kedalaman 10 kilometer itu, pada mulanya ditentukan berada pada latitud 39.42 darjah utara dan longitud 118.67 darjah barat. - ©BERNAMA

pengasas bersama OpenAI, yang ditubuhkan dengan matlamat menjalankan penyelidikan AI demi kepentingan manusia.

Musk mendakwa di bawah kepimpinan Altman dan Brockman, seluruh nilai OpenAI kini tertumpu pada cabang yang

berorientasikan keuntungan.

OpenAI menegaskan kawalan masih kekal pada teras bukan berasaskan keuntungan.

Musk meninggalkan lembaga OpenAI pada 2018 dan menarik balik semua sokongan pada 2020. - ©BERNAMA

Arab Saudi lengkapkan persiapan menyeluruh bagi menjamin keselamatan jemaah haji

RIYADH, 1 Mei. - Pihak Berkuasa Makanan dan Ubat-ubatan Arab (SFDA) Saudi memuktamadkan pelan operasi komprehensif dan bersepadu bagi musim haji 1447H/2026M.

Menurut Agensi Berita Arab Saudi (SPA), kesiapsiagaan ini selaras dengan arahan kepimpinan Arab Saudi yang mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan jemaah, dengan memanfaatkan semua sumber bagi memastikan perjalanan haji yang selamat dan lancar. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam menjaga Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta pengunjungnya.

Pelan operasi SFDA memberi tumpuan kepada pemantauan bersepadu dan pendekatan proaktif. Antara teras utama ialah memperkukuh pengawasan rantaian bekalan, meningkatkan kesiapsiagaan pasukan lapangan, memperhebat lawatan pemeriksaan ke fasiliti terkawal serta mempertingkatkan koordinasi dengan agensi kerajaan berkaitan.

Pendekatan menyeluruh ini memastikan tindak balas pantas dan memaksimumkan kecekapan

operasi kawal selia sepanjang musim. Pihak berkuasa itu memaklumkan yang pasukan teknikal bersepadu akan beroperasi sepanjang masa merangkumi semua saluran kawal selia, bermula dari pintu masuk darat, laut dan udara.

Ini termasuk kawalan terhadap kargo udara milik misi haji serta pemeriksaan khusus di Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz dan Lapangan Terbang Antarabangsa Prince Mohammed bin Abdulaziz. Pengawasan turut melibatkan premis makanan dan farmaseutikal serta fasiliti peranti perubatan di bawah seliaan SFDA.

Dalam kempen proaktif dari bulan Syaaban hingga Syawal, SFDA menjalankan lebih 1,400 lawatan pemeriksaan ke kilang makanan dan farmaseutikal, gudang serta fasiliti peranti perubatan bagi memastikan integriti rantaian bekalan sebelum ketibaan jemaah.

Selain itu, SFDA menganjurkan beberapa bengkel kesedaran dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan di Makkah dan Madinah, Kementerian Pelancongan serta Pihak Berkuasa Kesihatan Awam.

Sesi ini menyasarkan pekerja kilang, catering dan pemeriksa kerajaan bagi memastikan pematuhan ketat terhadap keperluan kesihatan serta penyediaan makanan yang selamat.

Penyertaan tahunan SFDA dalam musim haji adalah sebahagian daripada ekosistem kerajaan bersepadu yang komited menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada jemaah, sekali gus mengukuhkan kepimpinan global negara itu dalam pengurusan jemaah dan keselamatan.

Usaha ini juga selaras dengan tanggungjawab utama SFDA dalam melindungi kesihatan awam melalui keselamatan makanan, ubat-ubatan dan peranti perubatan. Kesiapsiagaan ini adalah hasil perancangan awal sejurus tamat musim haji sebelumnya.

Jawatankuasa Pemandu Haji SFDA turut mengadakan mesyuarat berkala bagi menilai prestasi dan mempertingkatkan kesiapsiagaan operasi, demi memastikan piawai kualiti dan kecekapan tertinggi bagi musim haji 1447H/2026M. - ©BERNAMA

Musk akui OpenAI 'sebahagiannya' digunakan untuk latih model xAI

SAN JOSE (CALIFORNIA), 1 Mei. - Bilionair teknologi Elon Musk mengaku di mahkamah pada Khamis bahawa syarikat Kecerdasan Buatannya (AI), xAI, menggunakan teknologi yang dibangunkan pesaingnya, OpenAI, bagi membantu membina modelnya sendiri ketika memberi keterangan dalam samannya terhadap pengasas bersama OpenAI, Sam Altman, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pengakuan itu berkaitan teknik yang dikenali sebagai *distillation*, iaitu kaedah pembangun perisian

AI baharu melatih sistem menggunakan model sedia ada.

Syarikat AI lebih kecil khususnya di Republik Rakyat China, sering menggunakan kaedah itu bagi menjimatkan masa dan kos.

Musk disoal sebagai saksi dalam perbicaraan berhubung samannya terhadap Altman, pengasas bersama OpenAI, syarikat pembangun ChatGPT.

Seorang peguam Altman bertanya sama ada xAI turut menggunakan model OpenAI untuk latihan melalui teknik

distillation.

Bilionair teknologi itu, yang memberi keterangan di bawah sumpah, pada mulanya cuba mengelak soalan itu dengan berkata perkara berkenaan 'secara umum dilakukan oleh semua syarikat AI'.

Apabila peguam itu terus mendesak, Musk menjawab: "Sebahagiannya."

Dalam saman itu, Musk mendakwa Altman dan pengurus kanan OpenAI, Greg Brockman, 'mencuri sebuah badan amal'.

Musk pada asalnya antara



BERKENAN MENGURNIAKAN PINGAT



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan pingat kepada para pemenang.

SANYA, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 29 April.- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji

Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Pantai Asia Ke-6

dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke perlawanan akhir Bola Sepak Pantai Lelaki yang diadakan di Sanya Bay Yuhai Club Venue.

Dalam perlawanan akhir bagi merebut pingat emas menyaksikan kemenangan berpihak kepada Republik Islam Iran selepas mengalahkan Kesultanan Oman dengan jaringan 6 - 2 sekali gus memberikan pingat emas kepada Republik Islam Iran dan pingat perak kepada Kesultanan Oman.

Sementara itu, dalam perlawanan lain pula menyaksikan pingat gangsa menjadi milik Arab Saudi selepas mengalahkan Palestin dengan jaringan 6 - 4.

Pada acara tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan mengurniakan pingat kepada para pemenang.

Pada hari ini, atlet sukan Athletics telah menjalani sesi latihan di Sanya Sports Centre pada sebelah pagi sebagai

sebahagian daripada usaha mengekalkan tahap kecergasan dan kesiapsiagaan. Latihan dijalankan dalam keadaan terkawal dengan pemantauan jurulatih bagi memastikan setiap atlet dapat mengekalkan prestasi serta memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang perlu dipertingkatkan. Pada sebelah petang, atlet diberi waktu rehat bagi tujuan pemulihan dan persediaan seterusnya.

Di samping itu, kontinjen juga telah membuat persediaan awal bagi menghadiri majlis penutup (Closing Ceremony) yang dijadualkan berlangsung pada 30 April 2026 pada waktu malam. Perancangan telah disusun melibatkan kehadiran atlet dan pegawai, termasuk penyelarasan logistik serta keperluan berkaitan bagi memastikan penyertaan berjalan dengan teratur. Adalah diharapkan agar semua atlet dan pegawai dapat terus mengekalkan disiplin serta keadaan fizikal yang baik sehingga tamat temasya. Semoga segala urusan kontinjen dipermudahkan dan penyertaan dalam majlis penutup nanti berjalan dengan lancar.

SHENA memperkukuh amalan keselamatan, kesihatan pekerja

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BERAKAS, Jumaat, 1 Mei. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah berjaya menganjurkan Move with SHENA 2026, sebuah inisiatif yang berfokuskan kesejahteraan, yang diadakan bersempena dengan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026, sebagai sebahagian daripada Program Bulan Keselamatan 2026.

Acara berkenaan telah berlangsung di Taman Rekreasi Menteri Besar dan menampilkan aktiviti berjalan kaki santai, larian serta berbasikal dengan penyertaan yang memberangsangkan daripada pengurusan kanan serta Pegawai-pegawai SHENA.

Acara tersebut diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah SHENA.

Inisiatif Move with SHENA 2026 mencerminkan komitmen strategik SHENA dalam

mempromosi kesihatan fizikal serta ketahanan mental. Inisiatif berkenaan adalah selaras dengan tema Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2006, iaitu 'Persekitaran Kerja Psikososial yang Baik : Landasan ke arah Pekerja yang Berkembang Maju dan Organisasi yang Teguh', yang menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong, inklusif dan selamat dari segi psikologi.

Program berkenaan turut menzahirkan itilizam berterusan SHENA dalam memperkukuh budaya keselamatan yang positif dengan menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta meningkatkan tahap

kesejahteraan dalam kalangan warga kerja dan pihak berkepentingan.

Selain itu, ia juga menegaskan bahawa keselamatan dan kesihatan merupakan tanggungjawab bersama, yang melangkaui persekitaran tempat kerja dan merangkumi seluruh aspek kehidupan seharian.

Melalui inisiatif seumpama berkenaan, SHENA kekal komited dalam menyokong usaha-usaha kebangsaan bagi memperkukuh amalan keselamatan dan kesihatan pekerja, seterusnya menyumbang ke arah persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan berdaya tahan di Negara Brunei Darussalam.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah SHENA semasa sesi bergambar ramai.

Tahukah Awda

BANGUNAN Pasar Pelbagai Barangan Gadong mempunyai keluasan 5,979.00 meter persegi dan 64,290.00 kaki persegi mula dibina pada 9 November 2016 dan siap pada 23 Disember 2016 dan mula beroperasi secara rasminya pada 2 Februari 2017. Pasar ini menempatkan sebanyak 150 petak mengikut kategori jualan iaitu salai-menyalai sebanyak 16 petak, masak-memasak 81 petak manakala sebanyak 39 petak bagi kategori sayur dan buah.

SUMBER : Pelita Brunei, Februari 2017.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERKONGSI NIKMAT DAN REZEKI SEMATA-MATA KERANA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA